05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KE MANA HALA TUJU KOMSAS

AZIAWATI BINTI ABDUL AZIZ

M20081000094

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 OKTOBER 2010 .....

AZIAWATI BT ABDUL AZIZ

M20081000094

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan sahabat baginda. Pertama sekali saya ingin panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanawataa'la kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan kertas kerja ini pada waktu yang telah ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Dr. Seri Lanang Jaya B Hj. Rohani, selaku penyelia penulisan akademik ini yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat, galakan, dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini sebagai memenuhi syarat kursus BMP6006 (Laporan Projek).

Ribuan terima terima kasih juga kepada guru-guru, pelajar-pelajar, rakan-rakan serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang telah memberikan kerjasama dan galakan dalam menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu bapa serta keluarga tersayang kerana tidak henti-henti terus memberi dorongan, galakan dan sentiasa bersabar sepanjang proses menyiapkan penulisan ilmiah ini. Hanya Allah jualah yang dapat membalas jasa kalian. Semoga segala maklumat yang diberikan dalam penulisan akademik ini sedikit sebanyak dapat memberikan manfaat kepada kita semua, Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat dan rumusan tentang hala tuju Komsas selepas berlakunya penukaran buku teks 2010 yang menolak karya Sasterawan Negara sebagai teks dan memuatkannya dengan karya penulisan pop atau picisan. Kajian dilakukan di lima buah sekolah yang terdapat di daerah Seberang Perai Selatan. Responden terdiri daripada dua puluh lima orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah dan tujuh puluh lima lagi responden adalah para pelajar. Penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik bagi mendapatkan maklum balas di atas kajian yang dilakukan. Berdasarkan kajian, didapati bahawa buku teks 2010 mampu menarik minat para pelajar untuk belajar, namun impaknya ialah kualiti pembacaan para pelajar kurang bermutu dan kejelasan hala tuju sebenar penerapan Komsas ke dalam Bahasa Melayu kabur. Semoga kajian ini dapat dimanfaatkan dan dijadikan sebagai landasan dalam melakukan atau mengambil tindakan pada masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRACT

This research is done to get the information and conclusion on the velocity of Komsas after the changing of the 2010 text book that rejected the works of the National Lauriette as text and filled it with the works of pop or immaterial writing. Research was done in 5 schools at Seberang Perai Selatan District. The respondents are 25 teachers who are teaching Malay Language subject in school and 75 are students. Researcher used quantitative method which are questionnaires to get the feedback of the research done. Based on the research, it is found that the 2010 text book is able to attract the students' interest. However, the impact is that, the reading quality of the students are less and the actual clarity of the velocity to instill Komsas into BM is vague. Hopefully, this research can be benefited and made as the foundation in taking action in the future.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		**ii**
PENGHARGAAN		**iii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		**v**
KANDUNGAN		**vi-viii**
SENARAI JADUAL		**ix-x**
SENARAI SINGKATAN		**xi**
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1-3
1.2	Pernyataan Masalah	4-5
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Soalan Kajian	5-6
1.5	Kepentingan Kajian	6-8
1.6	Batasan Kajian	8
1.7	Kaedah Kajian	8-9
1.8	Definisi Operasional	9
1.8.1	Hala Tuju	9
1.8.2	Genre	9
1.8.3	Novel	10
1.8.4	Kesusasteraan Melayu	10
1.8.5	Bahasa Melayu	11
1.8.6	Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu (Komsas)	11-12
1.8.7	Karya Pop	12
1.8.8	Karya Picisan	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2 LITERATURE

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Pelaksanaan Komsas	13-17
2.2.1	Literatur Berkaitan	17-19
2.3	Tinjauan Dalam Negara	19-25
2.4	Tinjauan Di Luar Negara	25-27
2.5	Kesimpulan	27

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	28
3.2	Reka Bentuk Kajian	28-29
3.2.1	Kaedah Kajian Deskriptif	29
3.2.2	Kerangka Konsep	29-30
3.3	Populasi Kajian	30
3.3.1	Sampel Kajian	30-31
3.4	Instrumen Kajian	31-32
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	32-33
3.6	Penganalisisan Data	33-34
3.7	Kesimpulan	34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	35
4.2	Latar Belakang Responden	35-41
4.3	Dapatan Kajian	42
	4.3.1 Soalan Kajian 1	42-51
	4.3.2 Soalan Kajian 2	51-58
	4.3.3 Soalan Kajian 3	59-68
4.4	Kesimpulan	68-69

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	70
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	71-74
5.3	Cadangan dan Saranan	74-77
5.4	Kesimpulan	78

BIBLIOGRAFI 79-84

LAMPIRAN 85-88

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 2.1	Genre Bahan Teks	20
Jadual 2.2	Penerapan Unsur Dalam Teks	22
Jadual 4.1	Taburan Bilangan Guru mengikut Jantina	36
Jadual 4.2	Taburan Guru Mengikut Etnik	37
Jadual 4.3	Taburan Guru mengikut Umur	38
Jadual 4.4	Pengalaman Mengajar Guru	39
Jadual 4.5	Taburan Bilangan Murid Mengikut Jantina	40
Jadual 4.6	Taburan Pelajar Mengikut Etnik	41
Jadual 4.7	Min dan Sisihan piawai Bagi Soal Selidik Kejelasan Hala Tuju Komsas	42-44
Jadual 4.8	Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 14	45
Jadual 4.9	Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 3	46
Jadual 4.10	Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 5	46
Jadual 4.11	Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 11	48
Jadual 4.12	Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 13	49
Jadual 4.13	Min dan Sisihan piawai Bagi Soal Selidik Kualiti	51-52
Jadual 4.14	Jadual Kualiti Buku Item 1	53
Jadual 4.15	Jadual Kualiti Buku Item 3	54

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16	Jadual Kualiti Buku Item 9 dan 10	56
Jadual 4.17	Min dan Sisihan piawai Bagi Soal Selidik Minat Murid	59-60
Jadual 4.18	Jadual Minat Pelajar Item 2	61
Jadual 4.19	Jadual Minat Pelajar Item 5	62
Jadual 4.20	Jadual Minat Pelajar Item 7	63
Jadual 4.21	Jadual Minat Pelajar Item 13	63
Jadual 4.22	Jadual Minat Pelajar Item 4	64
Jadual 4.23	Jadual Minat Pelajar Item 9	66

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

KPM	: Kementerian Pelajaran Malaysia
PPK	: Pusat Perkembangan Kurikulum
FPN	: Falsafah Pendidikan Negara
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
SMK	: Sekolah Menengah Kebangsaan
Komsas	: Komponen Wajib Kesusasteraan Dalam Bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai keterampilan dalam bahasa dan menghargai serta menghayati Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Di samping itu, pendidikan bahasa juga dijadikan sebagai penyalur ilmu, fikiran dan perasaan sesuatu bangsa. Sehubungan dengan itu, pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dimasukkan dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah bagi membantu mencapai matlamat tersebut.

Pada tahun 2000, Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu (Komsas) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengenalan dibuat secara berperingkat-peringkat bermula dari tingkatan satu dan tingkatan empat pada tahun 2002, dan tingkatan 2 dan tingkatan 5 pada tahun 2001 dan tingkatan tiga pada tahun 2002. Mulai tahun 2001, komponen sastera mula diuji dalam peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2002.

Pengisian komponen Kesusasteraan Melayu di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) meliputi enam genre iaitu novel, cerpen, drama, puisi moden (sajak), puisi tradisional, dan prosa tradisional. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertanggungjawab dalam memiliki karya-karya sastera dari enam genre dan berdasarkan teks-teks tertentu yang diambil kira daripada ciri-cirinya iaitu isi kandungan, nilai, pengajaran yang baik, serta dari aspek gaya bahasa.

Melalui pendedahan dan penelitian novel tingkatan lima seperti tajuk 'Julia' karya Abu Hassan Morad, diharap murid dapat mengenal dan menikmati karya- karya sastera negara. Selain menggalakkan lagi minat membaca murid, karya tersebut dapat juga menjadi saluran bagi murid memahami budaya dan citra masyarakat negara ini. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid sekolah.

Malahan hasrat pendidikan yang ingin dicapai melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah pembentukan individu yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani. Pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan diharap dapat terus menyokong pembentukan individu ini, terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek dan emosi. Penerapan elemen-elemen ini dalam karya sastera mampu menjadikan murid-murid insan yang berfikir tentang kebaikan, kehalusan budi pekerti, kesantunan semasa berbahasa, kecekalan hati, keindahan seni, kebenaran dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan (KPM, 2000: iv).

Unsur sastera seperti cerpen, puisi, novel dan pelbagai karya klasik diperkenalkan kepada murid sejak 1987. Manakala mulai tahun 2000, unsur ini diubahsuai dikenali sebagai Komsas. Komponen Komsas adalah pengubahsuaian daripada Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 1987, manakala mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berdasarkan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan sekolah menengah pada tahun 1991.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan pengajaran bagi Komsas lebih bersifat makro, iaitu menyeluruh dan tidak mendalam. Sedangkan pendekatan pengajaran bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu lebih bersifat mikro iaitu lebih terperinci dan mendalam (Berita Harian, 14 Jun 2001).

Dari skop aspek sastera seperti tema, perwatakan, plot, latar, gaya bahasa, dalam pengajaran Komsas diajar setakat murid memahami istilah aspek itu dan boleh menggunakannya dalam kemahiran bahasa seperti dalam penulisan dan pertuturan, sedangkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu elektif, murid diajar secara lebih mendalam.

Pelajaran Komsas bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, malah murid memperoleh nilai estetika dan pengajaran melalui pembacaan dan penghargaan melalui karya sastera yang dipelajarinya.

Pengajaran Komsas dapat meningkatkan penguasaan gaya bahasa murid melalui penggunaan perkataan, frasa, ayat dan bahasa perbandingan yang sesuai dan bermakna daripada pembacaan, penulisan kreatif atau melalui kajian atau penelitian sesebuah karangan yang bermutu (Berita Harian, 14 Jun 2001).

Dalam Huraian Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Melayu KBSM terdapat senarai bahan sastera yang banyak dan sangat menarik untuk digunakan oleh guru-guru. Jika kita lihat terdapat banyak karya sastera di pasaran sehingga kini. Hal ini bermaksud senarai bahan sastera sama ada diiktiraf atau tidak diiktiraf yang hendak digunakan oleh guru-guru perlulah dikaji untuk melihat kewajaran sastera dan keberkesanan senarai komponen sastera tersebut (Normah Karim 1994: 36).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Pernyataan Masalah

Komponen Sastera, Komsas dalam pengajaran Bahasa Melayu mewajibkan semua murid sama ada dalam aliran sains, sastera, teknik atau vokasional mempelajarinya. Walau bagaimanapun, mata pelajaran ini kurang diminati oleh sesetengah murid, khasnya murid bukan Melayu yang menganggapnya sukar untuk dipelajari dan difahami. Ada pula pendapat yang mengatakan mata pelajaran ini diambil oleh murid yang agak lemah dalam pembelajaran (Misran,1999: 64).

Abdul Aziz (2000: 14-15) menyetujui pandangan tersebut dengan menjelaskan bahawa murid-murid yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di tingkatan empat, lima dan enam (sebelum Komsas diwajibkan) kebanyakannya bukan daripada golongan murid cemerlang.

Dengan mewajibkan semua pelajar mempelajari Komsas ini ada kebaikan dan keburukannya kerana akan menimbulkan masalah daripada segi minat, pemahaman, penguasaan dan penghayatan dalam kalangan murid khasnya terhadap subjek sastera dan amnya terhadap subjek Bahasa Melayu itu sendiri.

Harapan yang tinggi diberikan agar pengajaran Kesusasteraan dapat memberi sumbangan besar kepada negara dan sekali gus dapat melahirkan golongan pemikir dan generasi yang bersahsiah tinggi, selain bermatlamat untuk mengembangkan bidang Kesusasteraan itu sendiri.

Berdasarkan penyataan di atas, pengkaji ingin melihat adakah matlamat terdahulu Komsas berubah dengan penukaran buku teks karya agung ke karya pop atau picisan. Seterusnya, pengkaji ingin memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan daripada segi kualiti karya agung dengan karya pop atau picisan. Hal ini kerana Komsas berperanan penting dalam pembentukkan diri murid-murid di masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab itu, bahan bacaan atau santapan minda yang ingin disajikan kepada mereka perlulah jelas serta tinggi nilai kualitinya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pandangan para guru terhadap isu penukaran buku teks Komsas yang dulunya pada tahun 2001, memuatkan karya agung, namun kini 2010, menolak karya para sasterawan dan memilih karya pop.

Seterusnya untuk melihat kejelasan hala tuju dan kualiti teks Komsas yang dipilih dari sudut kaca mata guru-guru bahasa. Hal ini amat penting kerana apa yang akan disampaikan oleh guru tersebut akan menentukan jenis 'manusia' apakah yang akan dihasilkannya pada masa hadapan.

Selain itu, pandangan para guru bahasa amat penting kerana guru tersebut merupakan orang yang lebih mahir dan berpengetahuan dalam bidang berkenaan. Akhir sekali pengkaji juga ingin meninjau kebenaran bahawa murid akan lebih berminat mempelajari Komsas dengan adanya penukaran teks baru pada tahun 2010 ini.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini dijangka dapat menjawab beberapa soalan berikut:

i. Adakah hala tuju Komsas dalam Bahasa Melayu menjadi lebih jelas setelah penukaran buku teks karya agung ke karya picisan?

ii. Adakah teks baru 2010 lebih berkualiti berbanding teks lama?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Adakah benar penukaran buku teks ini berjaya menarik minat murid untuk lebih mendekati sastera atau memahami apa yang ingin disampaikannya?

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini boleh dilihat daripada beberapa aspek iaitu kepentingannya kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, guru-guru di sekolah, para pengkaji bahasa dan kepada pengkaji sendiri. Adalah diharap kajian ini akan diteliti dan dimanfaatkan bersama-sama. Antara kepentingannya ialah:-

(i) Kepentingan kajian ini ialah sebagai panduan kepada guru tentang penerapan Komsas bagi meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

(ii) Untuk meningkatkan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P) Komsas. Hal ini kerana murid yang mengambil Bahasa Melayu terdiri daripada kelompok etnik yang bervariasi dengan persekitaran sosio-eko budaya yang tidak sekata dan lokasi geografi yang berlainan.

(iii) Bahasa Melayu kajian dapat memberi sedikit sebanyak maklumat kepada Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang terlibat dengan sebarang perubahan kurikulum pendidikan dan perubahan yang hendak dilakukan sebagai salah satu alternatif pengkaedahan agar bertepatan dengan keperluan murid.

(iv) Hasil kajian juga boleh dijadikan asas dan rujukan kepada pihak-pihak lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(v) Penyusunan kurikulum Komsas yang sistematik akan dapat membantu pelajar menguasai dan memperkayakan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.

(vi) Pemilihan, penyesuaian, dan penggunaan bahan Komsas secara tersusun akan membantu perkembangan sifat reaktif dan imaginatif murid, di samping memperkayakan perbendaharaan kata dan memperindahkan bahasa yang mereka gunakan di sekolah dan di rumah dalam bentuk lisan atau tulisan. Hal ini penting sebagai pendorong untuk menimbulkan kemampuan berkomunikasi untuk belajar, untuk hidup bermasyarakat, mengetahui budaya dan sejarah bangsa serta menjadi warganegara yang berguna.

(vii) Pengajaran Komsas yang tersusun melalui genre prosa dan puisi, drama, novel akan memberi kesan terhadap matlamat pendidikan negara, terutamanya dari aspek penyesuaian dan penyebaran konsep perpaduan negara yang menjamin cara hidup liberal dengan tradisi kebudayaan, nilai-nilai murni dan pelbagai corak melalui penggunaan bahasa. Hal ini kerana, isi Kesusasteraan Melayu menyingkap kisah pergolakan individu dan masyarakat yang beraneka corak serta tradisi bangsa yang berbagai-bagai. Isi Kesusasteraan Melayu yang mengandungi pengucapan dan inti kemanusiaan (emosi, sikap, sentimen, kepercayaan dan cita-cita). Hal ini menjadi penting bagi membantu tercapainya objektif akhir belajar bahasa iaitu berdialog dan memahami manusia (Hamzah Hamdani, 1980: 159).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid, baik dalam tulisan atau lisan akan dapat dikurangkan kemerosotannya. Menurut Kelly (1969: 15), kemerosotan bahasa dan kesalahan penggunaanya amat penting untuk diatasi kerana sejarah telah membuktikan bahawa pengabaian faktor bahasa akan menggagalkan matlamat pendidikan negara.

1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan yang akan dilakukan merupakan satu tinjauan. Daerah kajian yang dipilih adalah sekitar Sekolah Menengah Kebangsaan di Pulau Pinang. Sekolah yang menjadi pilihan ialah beberapa sekolah yang terdapat di daerah Seberang Perai Selatan. Kajian ini dilakukan terhadap guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif. Kaedah ini digunakan untuk meninjau pandangan para guru Bahasa Melayu mengenai hala tuju Komsas dengan penukaran buku teks tahun 2010.

Selain itu untuk melihat permasalahan yang wujud dan untuk melihat kualiti teks Komsas terdahulu dan sekarang serta kebenaran penyataan bahawa akan wujudnya penambahan minat terhadap karya sastera dengan penukaran teks tersebut pada tahun 2010.

Lokasi kajian ialah di beberapa buah sekolah yang terdapat di daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Dengan merujuk kepada beberapa sekolah ini, maka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai aspek boleh dilihat dan dapatannya juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan oleh sesetengah pihak dalam membuat sesuatu perkara atau keputusan. Hal ini disebabkan, tinjauan yang dibuat ini merupakan pandangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang berpengalaman dalam bidang bahasa.

1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa definisi konsep yang perlu diketahui. Hal ini adalah bertujuan untuk memudahkan kajian di atas penyataan masalah berdasarkan tajuk yang dipilih. Beberapa perkataan, konsep atau frasa dalam tajuk kajian ini perlu diberi definisi yang merujuk secara khusus kepada penggunaanya dalam konteks kajian ini seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Hala tuju

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), hala tuju bermaksud arah atau tuju bagi sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa ke manakah yang ingin kita bawa persoalan atau sesuatu isu itu.

1.8.2 Genre

Menurut Glosori Istilah Kesusasteraan (1989: 89) genre ialah istilah yang digunakan bagi menyatakan jenis-jenis atau kategori yang jelas bagaimana sesebuah hasil kesusasteraan itu digolong mengikut bentuk atau teknik.

Menurut Kamus Sastera Melayu (2000: 23), genre bermaksud jenis, bidang atau cabang sastera atau seni seperti sajak, novel, drama dan juga cerpen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.3 Novel

Menurut Kamaruddin Hj Hussin (1998: 46), novel adalah cereka panjang yang memuatkan cerita-cerita kehidupan yang merakamkan kehidupan masyarakat dan menggambarkan pahit maung serta rencam kehidupan manusia dan masyarakatnya. Seperti cerpen, novel juga mempunyai tema, plot, watak, perwatakan, gaya bahasa, sudut pandangan dan latar.

Menurut Kamus Sastera Melayu (2000: 58), novel adalah karya kreatif berbentuk fiksyen moden yang relatif panjang. Di dalamnya ada unsur-unsur fiksyen seperti watak, plot, latar dan sebagainya. Bentuk konvensinya ada konflik, percubaan menyelesaikan konflik, puncak dan penyelesaiannya.

1.8.4 Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Halim A. Ahmad (1986), dalam bukunya berjudul 'Pengajian Melayu Empat'(1998: 1), Sastera Melayu adalah gabungan-gabungan perkataan 'Sastera' dan 'Melayu'. Kata Sastera berasal daripada perkataan Sanskrit 'castral' yang beerti 'kitab' atau 'buku'. Seterusnya Melayu pula mewakili suatu rumpun bangsa yang menduduki kawasan yang terletak di antara Yunan di Utara hingga ke kawasan Nusantara di Selatan dan dari sebahagian kawasan Kepulauan Pasifik di Timur hingga ke Madagaskar di Barat. Kesimpulannya Kesusasteraan Melayu ialah sastera yang terhasil atau dikenali oleh masyarakat Melayu baik secara bertulis atau sekadar pertuturan harian.

Zalila Sharif (1993: 5), pula menyimpulkan maksud Kesusasteraan sebagai segala pengucapan yang bernilai sastera, baik yang bertulis mahupun yang tidak tertulis; baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.5 Bahasa Melayu

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga 'bahasa' merupakan sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia. Manakala 'Melayu' pula membawa maksud nama suatu bangsa dan bahasa terutamannya di Semenanjung Malaysia (1998: 874).

Bahasa Malaysia pula ialah bahasa kebangsaan dan juga bahasa rasmi negara Malaysia. Sebelum tahun 1969, bahasa kebangsaan ini dikenali sebagai Bahasa Melayu, tetapi pada 13 Mei 1969 bahasa ini diberi nama baru iaitu Bahasa Malaysia dengan tujuan meneutralkan pemilihan khusus terhadap bahasa itu.

Istilah Bahasa Malaysia ini juga digunakan setelah bahasa kebangsaan mantap dan timbulnya keperluan untuk mengukuhkan perpaduan dan memupuk keperibadian Malaysia. Namun demikian setelah dirasakan Bahasa Malaysia telah dilaksanakan secara beransur-ansur terutama di peringkat sekolah, kini istilah Bahasa Melayu pula mula kembali digunakan memandangkan istilah Bahasa Malaysia tidak dapat memberikan gambaran budaya bahasa yang sebenar.

1.8.6 Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu (Komsas)

Kamus Dewan Edisis Keempat menyatakan bahawa komponen ialah bahagian yang menjadikan sesuatu, lengkap atau sempurna. Malahan komponen juga boleh dikatakan menjadi suatu bahagian daripada sesuatu yang lebih besar iaitu kompleks atau lengkap.

Manakala Sastera pula membawa maksud bahasa yang digunakan dalam Kesusasteraan iaitu hasil seni atau karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu (1998: 696).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian, komponen sastera yang dimaksudkan terdiri daripada bahan-bahan novel, antologi, cerpen, prosa klasik, puisi dan drama. Bahan sastera ini terdapat dalam Sukatan Komsas Mata Pelajaran Bahasa Melayu KBSM. Penggunaan Komsas dalam Bahasa Melayu telah menyebabkan murid lebih mahir menulis ayat-ayat dalam Bahasa Melayu. Kajian seperti ini akan dapat memberikan maklumat yang sebenar tentang keberkesanan penggunaan Komsas dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu.

Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu keseluruhannya merupakan usaha memasukkan bahagian yang bersangkutan dengan Kesusasteraan Melayu dalam sukatan Bahasa Melayu untuk melengkapkan satu set sukatan pembelajaran yang releven dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Dengan adanya komponen sastera di dalam Bahasa Melayu, proses pembelajaran dan pengajaran boleh dilakukan secara simbiosis di samping untuk memberi pengajaran kepada murid tentang sistem bahasa. Bentuk pengajaran sastera pula dijalankan secara epistimologi, yang menumpukan kepada proses penerapan nilai, pengajaran atau penciptaan karya (Saedah Siraj 1999: 45).

1.8.7 Karya Pop

Menurut Mana Sikana (1990), karya pop bersifat mengejar sensasi khalayak.

1.8.8 Karya Picisan

Menurut Mana Sikana (1990), karya picisan bersifat murahan dan nipis mutu seninya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Sememangnya jelas di sini bahawa pembelajaran dan pengajaran sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ini bukanlah satu perkara yang mudah. Hal ini memerlukan banyak kajian atau penyelidikan bagi mencari maklumat bagi memastikan matlamat pelaksanaan Komsas tercapai.

Dalam bab ini pengkaji akan memperlihatkan literatur berkaitan hala tuju Komsas yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang diperkenalkan pada Mac 2000 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, seharusnya kini pembelajaran dan pengajaran Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu sudah boleh menjadi berkesan serta kukuh fungsinya dalam melahirkan murid-murid atau insan yang berilmu, berakhlak tinggi dan berbudaya.

2.2 Pelaksanaan Komsas

Pendidikan dan kurikulum adalah komponen yang penting bagi meneruskan dasar pelajaran sesebuah negara. Penelitian linguistik atau bahasa harus dimanfaatkan untuk pembelajaran dan pengajaran bahasa. Di Malaysia bahan dan hala tuju Komsas ditentukan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pusat ini berperanan sebagai badan perancang dan guru-guru pula merupakan pelaksana perancangan tersebut. Pembelajaran dan pengajaran unsur sastera dalam Bahasa Melayu KBSM adalah sebagai pelengkap kepada program pendidikan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa pengantar dan mata pelajaran wajib bagi semua peringkat.

Komsas diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dengan ini hasil pengumpulan penyelidikan daripada pengkaji-pengkaji tempatan atau luar negara yang berkaitan diharap dapat memberikan maklumat kepada guru-guru bagi mengenal pasti kelemahan diri masing-masing.

Di samping itu, saranan daripada Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak menyatakan bahawa semua murid sekolah menengah diwajibkan membaca buku Sastera Melayu dan Inggeris bagi meningkatkan penghayatan mereka terhadap Kesusasteraan. Beliau berucap ketika merasmikan ulang tahun Dewan Bahasa dan Pustaka kali ke-43 iaitu pada 22 Jun 2000 bagi membuktikan betapa perihatinnya pihak kerajaan terhadap kepentingan Kesusasteraan Melayu di dalam dunia pendidikan (Berita Harian: 13 Febuari 2002).

Pertemuan para pendidikan dan sasterawan di Kolokium Pendidikan Kesusasteraan 1999 pada 13 hingga 14 Julai di Institut Bahasa Melayu Malaysia telah membuka lembaran baru bagi sastera dalam pendidikan khas iaitu novel, puisi, drama dan cerpen.

Di samping itu, kesedaran pendidikan terhadap kepentingan sastera semakin menyerlah pada suatu ketika. Contohnya pendapat Mahaya Yassin di dalam Kertas Kerjanya menyatakan Kesusasteraan yang diserap dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah menyuntik ilmu dan falsafah dalam bidang seperti keagamaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentadbiran, kesihatan, maritim, semangat kewarganegaraan dan kebudayaan. Hal ini dilakukan supaya murid dapat menghayati apa yang terkandung di dalam novel tersebut, dan bukan sekadar membaca semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan (1999: 78).

Penggunaan bahan sastera dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu wajar kerana sastera mempunyai hubungan secara langsung dengan bahasa dan sastera juga mampu menerap unsur pengajaran, nilai, merangsang kemahiran berfikir serta memberi hiburan yang dapat dieksploitasi dalam pelajaran bahasa. Selain itu bahan-bahan Kesusasteraan yang dipilih sebelum atau selepas semakan kurikulum Bahasa Melayu yang mula dilaksanakan pada tahun 2003, menggariskan bahawa bahan yang ingin digunakan sebagai teks pelajar perlulah mempunyai unsur-unsur seperti berikut:

1. Kemoralan, kemotivasian dan keaspirasian.
2. Keindahan dan kekreatifan.
3. Kerasionalan dan kesaintifikan.
4. Kebitaraan dan keunikan.
5. Keintelektualan dan ketrampilan.
6. Keimanan dan kerohanian.
7. Keharmonian dan realiti kehidupan.
8. Keikhlasan dan bertanggungjawab
9. Kepotensian dan kesejahteraan diri.
10. Bernilai

Oleh sebab itu, karya-karya yang hendak dimuatkan dalam sesebuah teks untuk bacaan umum murid-murid haruslah sesuatu yang positif dan berkualiti. Karya Komsas juga perlulah menimbulkan rasa ingin tahu serta mampu berfungsi untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyuburkan amalan membaca dalam kalangan pelajar. Lebih jauh lagi penerapan konsep juga merupakan salah satu usaha untuk menarik masyarakat untuk mengenali budaya tempatan yang terdiri daripada pelbagai corak.

Secara tidak langsung, hal ini dapat meneguhkan lagi perpaduan dan akhirnya dapat menyemarakkan lagi sastera dalam dunia khalayak. Keluhan berkaitan sastera yang terpinggir dalam arus pembangunan seharusnya tidak wujud jika setiap murid lepasan sekolah celik sastera. Hal ini kerana langkah mewajibkan penggunaan buku teks sastera dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Melayu bukanlah merupakan suatu perkara baru. Perkara ini boleh dijadikan sebagai panduan bagi memastikan matlamat untuk menarik minat membaca dan mendekati karya sastera akan berhasil dengan jayanya (Berita Harian 1999: 323).

Oleh hal yang demikian, dalam bab ini pengkaji akan menjelaskan literatur berkaitan hala tuju Komsas yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang diperkenalkan pada Mac 2000 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Slametmuljana (1966: 4) berpendapat bahawa penggunaan bahan sastera amat memerlukan ketelitian pemilihan dan cara-cara penyusunannya. Keperluan ini sebenarnya bertujuan menimbulkan kesan kehalusan, kemuliaan dan kesempurnaan penggunanya sebagai memenuhi syarat keindahannya.

Manakala Azman Wan Chik (198: 5-6) berpendapat melalui sastera, murid dapat menyelami bahasa dalam bentuk yang kompleks dan beraneka rupa dengan perasaan, pengalaman dan cara orang lain hidup yang mungkin berlainan atau di luar daripada pengalaman atau kesedaran murid. Hal ini dapat dilihat dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Kesusasteraan Melayu dalam Kurikulum Satu Tinjauan Latar'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kertas Kerja ini dibentangkan dalam Kesusasteraan dan Bengkel Pengajaran Sastera, anjuran Jabatan Pendidikan Bahasa, Fakulti Pendidikan, Universiti Pendidikan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.2.1 Literatur Berkaitan

Abdullah B Najib (1995: 5) menyatakan bahawa hubungan Kesusasteraan dan Bahasa adalah terlalu rapat, malah Kesusasteraan itu juga adalah bahan pengajaran dan pembelajaran unsur sastera itu dalam Bahasa Melayu KBSM adalah sebagai pelengkap kepada program pendidikan Bahasa Melayu yang merupakan bahasa penghantar mata pelajaran wajib bagi semua peringkat pendidikan kebangsaan. Pengajaran dan pembelajaran unsur sastera ini dapat membantu mencapai matlamat yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi dan jasmani.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, pengajaran dan pembelajaran ini juga diharap dapat membantu memperkukuhkan dan meningkatkan tahap penguasaan ketrampilan berbahasa dalam kalangan murid, seterusnya dapat membina keyakinan diri para murid untuk berkomunikasi antara satu sama lain sebagai alat perpaduan, bahasa ilmu, pengetahuan dan bahasa pencerminan keluhuran akal budi.

Othman Puteh (1999: 15) merumuskan bahawa walaupun bahan sastera telah diperkenalkan dan dilaksanakan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sejak tahun 1984, namun masih terdapat beberapa pembaikan yang perlu dilakukan .

Selain itu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh PPK pada tahun 1995 dan 1998 mendapati bahawa pelaksanaannya kurang berkesan. Tidak ada satu teks yang wajib ditetapkan dalam soalan peperiksaan. Kebanyakan soalan berdasarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman dan lebih menekankan kemahiran bahasa dan bukan penekanan pada unsur sastera.

Oleh sebab itu, Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah dicadangkan untuk menimbulkan reaksi yang positif dalam kalangan murid agar mereka berminat untuk membaca, memahami bahan-bahan sastera, menikmati dan mengapreasiasikan karya sastera, mengetahui penulis dan sejarah perkembangan sastera tanah air dan mengukuhkan kemahiran berbahasa pelajar dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Menurut Nik Safiah Karim (1999), pengajaran dan pembelajaran komponen sastera adalah lebih merupakan sebagai satu bahan yang membantu menimbulkan reaksi positif dan meningkatkan motivasi pelajar untuk membaca, memperkenalkan murid-murid kepada unsur-unsur kesusasteraan dan mencungkil amanat yang terdapat dalam karya untuk dijadikan teladan oleh murid di samping pengayaan bahasa, khasnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Seterusnya di Brunei pula Elliot (1990: 191), ada menulis tentang penggunaan bahan drama dan program *'Teaching A Second Language (TESL)'*. Bahan-bahan yang digunakan ialah hasil karya William Goldings iaitu *'Lord of Flies and Animal Farm'* karya George Orwell. Kesan daripadanya amat memuaskan. Beliau telah berjaya membuktikan bahawa bahasa sastera memang menjadi bahan yang utama dalam pengajaran bahasa (Elliot R, 1990).

Melalui penyataan-pernyataan di atas, hal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa hubungan Kesusasteraan dengan bahasa adalah sangat rapat atau saling berkaitan iaitu Kesusasteraan juga merupakan bahasa itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah dalam media massa juga turut menyumbang pelbagai maklum balas daripada orang ramai, guru-guru, sasterawan dan persatuan-persatuan penulis tanah air juga telah menjelaskan tentang pendirian masing-masing terhadap kemasukan komponen sastera di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dari segi pendidikan, kita dapat lihat bahawa matlamat pengajaran Kesusasteraan juga ialah, untuk menyampaikan pengetahuan tentang Kesusasteraan dan pengajaran bagi menimbulkan penghayatan atau aspreasi dalam diri para pelajar.

2.3 Tinjauan Dalam Negara

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sudah menyediakan sukatan pelajaran yang bersesuaian untuk semua pelajar tingkatan satu hingga lima. Matlamat Komsas yang diperkenal menekankan kepada pendedahan asas mengenai sastera kepada murid tingkatan satu hingga tingkatan lima (PPK, 2002). Secara lebih terperinci Komsas diperkenalkan dengan hasrat meningkatkan dan mengukuhkan keterampilan berbahasa, mengapresiasi karya sastera, menghayati keindahan berbahasa dalam karya dan menggunakannya dalam penulisan, menerapkan dan mengamalkan nilai positif dalam kehidupan, menghasilkan karya sastera sesuai dengan kebolehan masing-masing, di samping membina dan memupuk budaya membaca (PPK, 2002).

Komsas sebagai Komponen Wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merupakan lanjutan daripada unsur sastera yang diajarkan 1 waktu daripada 6 waktu Bahasa Melayu sebelum ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini Komsas sebagai Komponen Wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mula diajarkan 2 waktu (seminggu) daripada 6 waktu Bahasa Melayu. Komponen ini diajarkan kepada pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 sekolah menengah. Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didedahkan kepada genre sastera seperti novel, cerpen, prosa tradisional, drama, puisi tradisional dan puisi moden (sajak) yang dimuatkan dalam buku teks wajib seperti jadual di bawah;

Jadual 2.1

Genre Bahan Teks

Genre	Jumlah	PMR	SPM	Jumlah Besar	Aspek Kajian
Puisi Tradisional	6	18	12	30	Sinopsis, tema dan persoalan, mesej, plot, teknik, watak dan perwatakan, nilai kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan, gaya bahasa, latar, sudut pandangan, bentuk, rima dan nada.
Sajak	6	18	12	30	
Prosa Tradisional	4	12	8	20	
Cerpen	6	18	6	15	
Drama	3	9	12	30	
Novel	1	3	2	5	

Jadual ini juga menunjukkan bahawa setiap murid daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima perlu mempelajari sebuah novel, 6 buah cerpen, 4 buah prosa tradisional, 3 buah drama, 6 buah puisi tradisional dan 6 buah puisi moden (sajak) dalam setahun.

Hal ini bermakna setiap murid peringkat menengah rendah yang ingin mengambil PMR secara keseluruhannnya perlu membaca 3 buah novel, 18 buah cerpen, 12 buah prosa tradisional, 9 buah drama, 18 buah puisi tradisional dan 18 buah puisi moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal yang sama turut ditetapkan bagi murid menengah atas yang akan mengambil SPM iaitu, secara keseluruhannnya perlu membaca 2 buah novel, 12 buah cerpen, 8 buah prosa tradisional, 6 buah drama, 12 buah puisi tradisional dan 12 buah puisi moden. Antara aspek kajian sastera yang dipelajari ialah sinopsis, tema dan persoalan, mesej, plot, watak dan perwatakan, nilai kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan, gaya bahasa, latar, sudut pandangan, teknik, bentuk, rima dan nada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Penerapan Unsur Dalam Teks

UNSUR	BILANGAN
SAINS	3
BAHASA	3
SEJARAH	12
MORAL	57
ALAM SEKITAR	6
AGAMA	2
EKONOMI	1
GEOGRAFI	2
MUZIK	2
TEKNOLOGI MAKLUMAT	2

Menurut Kamaruzaman Abdullah (2000), konsep sastera iaitu, merentasi kurikulum adalah amat jelas dilihat berdasarkan jadual 2.2 iaitu, dari segi pemilihan karya yang mencakupi pelbagai bidang seperti bidang sains dan bahasa (3 teks), teknologi maklumat, agama, muzik dan geografi (2 teks), sejarah (12 teks), alam sekitar (6 teks), moral (57 teks) dan ekonomi (1 teks). Hal ini menyebabkan pelbagai unsur dalam Komsas yang diserap dalam Bahasa Melayu memerlukan masa yang banyak untuk membaca, menghayati nilai estetika dan mengkaji sesebuah karya. Kepelbagaian ini sememangnya amat sesuai dengan murid dan memberikan banyak manfaat. Dari sudut bahasa pula, karya yang dipilih adalah tepat dan sesuai dengan tahap minda murid-murid sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dalam pelaksanaan Komsas, pengagihan novel dilakukan berdasarkan empat zon iaitu zon 1, zon 2, zon 3, dan zon 4. Setiap tingkatan dikehendaki menggunakan satu teks antologi dan memilih sebuah novel. Pengagihan novel dilaksanakan mengikut zon. Misalnya teks novel Meniti Kaca (T1), Bukit Kepong (T4) digunakan dalam zon 1 iaitu (Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Perlis), Limpahan Darah Di Sumur (T1), Terminal Tiga (T4) digunakan dalam zon 2 iaitu (Sabah, Sarawak, Pahang, Terengganu), Anak Din Biola (T1), Di Hadapan Pulau (T4) di zon 3 (Melaka, Johor, Kelantan) dan Aku Anak Timur (T1), Perlumbaan Kedua (T4) di zon 4 iaitu (Kedah, Pulau Pinang, Perak).

Menurut Abdul Rahman Abdul Rashid (2000: xi), pelaksanaan komponen sastera di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amat bersesuaian demi untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid. Hal ini membolehkan murid-murid mengkritik dan menilai karya sastera, memupuk semangat keusahawanan, meningkatkan kemahiran berbahasa, melahirkan para penulis yang kreatif dan kritis, meningkatkan kekuatan rohani dan intelek, memupuk kesedaran terhadap nilai estetika dan keindahan bahasa yang terkandung dalam sesebuah karya, membolehkan murid mengenal dan menghayati sastera, memahami budaya masyarakat lain serta mewujudkan perasaan empati.

Oleh sebab itu, jelaslah kepada kita bahawa penyerapan Komsas ini amat bersesuaian untuk membentuk keperibadian murid-murid supaya lebih bersikap bertanggungjawab dan mempunyai kekuatan diri yang utuh dan sekali gus menyelaraskan perkembangan sastera seiring dengan dunia yang semakin moden.

Hal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa, inilah merupakan hala tuju sebenar yang ingin dibawa atau diterapkan kepada murid-murid oleh pihak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan pelaksanaan Komponen Kesusasteraan dalam Bahasa Melayu (Komsas).

Mahaya Mohd Yassin (1980: 3) berpendapat bahawa Kesusasteraan Melayu sebenarnya amat unggul, tetapi tanpa mengeksploitasikan keunggulan itu, maka keistimewaannya akan tersembunyi. Keunggulan itu dilihat dari pelbagai teknik, strategi, pendekatan dan kaedah.

Manakala Joanne Collie dan Stephen Slater (1987: 15) pula telah menyarankan agar guru-guru membuat pilihan bahan sastera dengan teliti dan mempersembahkan bahan-bahan itu dengan cara yang paling menyeronokkan kepada murid seperti aktiviti kumpulan. Dengan cara ini minat murid-murid akan dapat dibentuk dan terus berkembang.

Melalui pernyataan di atas, maka jelaslah kepada kita semua bahawa kelemahan terhadap sesuatu teknik, pendekatan, strategi atau kaedahlah yang menjadi punca terhadap ketidakfahaman atau kurangnya minat seseorang murid terhadap karya sastera dan bukannya berkaitan dengan bahan atau buku teks yang digunakan.

Misran Rokimin (2000: 10) melalui artikelnya menyatakan, salah satu sebab guru sendiri tidak meminati sastera kerana masyarakat berpendidikan di Malaysia merasakan ilmu Kesusasteraan itu sudah hilang wibawa seperti melalui zaman gerhana. Masyarakat massa diletakkan dengan kehidupan ekonomi yang begitu selesa. Setiap ibu bapa memilih untuk menempatkan anak-anak mereka pada aliran yang menjamin masa depan. Penumpuan itu diberi kepada aliran sains, teknologi, ekonomi dan sebagainya. Sehinggakan aliran sastera sudah dikesan sampingkan kerana tidak mempunyai nilai lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini merupakan suatu fenomena yang amat menyedihkan jika dibiarkan berterusan berlaku. Hal ini disebabkan tanpa sastera, para remaja tidak mungkin akan dapat mengenali budaya. Malahan tanpa budaya, maka tiadalah identiti negara yang boleh kita pamerkan di mata dunia.

2.4 Tinjauan Di Luar Negara

Arminstead (1972: 58) menyatakan bahawa pelaksanaan dan penggunaan bahan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa akan dapat mendorong murid-murid mengenal perbezaan bahasa antara bunyi dan percakapan, perbendaharaan kata dan ayat, melalui bahan sastera dan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan perasaan dan pemikiran.

Oleh sebab itu, di samping mempelajari bahasa murid-murid juga dapat meraih amanat dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam sesebuah karya sastera. Daripada kenyataan ini jelas membuktikan bahawa unsur sastera yang diserap dalam mata pelajaran bahasa bukan sahaja sebagai bahan pengajaran yang berkesan, malah banyak memberi manfaat dan reaksi yang positif kepada murid-murid yang mempelajari Bahasa Melayu.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa langkah Kementerian Pelajaran Malaysia yang memperkenalkan Komsas dalam Bahasa Melayu adalah relevan dengan situasi semasa. Malahan dengan pemilihan karya-karya yang bermutu ini juga dapat memenuhi matlamat dan juga objektif sebenar pihak KPM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini juga membuktikan kepada kita semua bahawa penetapan hala tuju yang padu dan pemilihan karya-karya bermutu tinggi amatlah penting dalam usaha membentuk remaja dan seterusnya masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama.

Secara kesimpulannya, kita dapat memahami bahawa hala tuju Komsas perlulah selari dengan matlamat asal pelaksanaannya. Hal ini bermakna untuk menghasilkan murid-murid atau masyarakat yang berilmu atau bersahsiah tinggi, pemilihan terhadap sesuatu karya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah amatlah penting.

Karya yang bermutu, bahasa yang gramatis, bahan yang berinformasi dan luas serta memerlukan pencabaran pemikiran kreatif dan kritis amatlah perlu dalam membina insan atau masyarakat yang berilmu. Hal ini selaras dengan perkembangan teknologi dan kemajuan yang memerlukan masyarakat yang berfikiran jauh dan mempunyai minda kelas pertama. Oleh sebab itu, sekolah merupakan landasan yang terbaik bagi memulakan langkah tersebut.

Jikalau masyarakat Barat dapat berbangga dengan karya Sheakspearsnya, maka kita sebagai masyarakat Malaysia harus berbangga dengan karya sebagaimana. Persoalan yang timbul ini perlu dijawab dengan sejelas-jelasnya. Adakah kita hendak berbangga dengan karya-karya agung yang penuh nilai estetika, ilmu dan pemikiran yang tinggi ataupun berbangga dengan karya-karya picisan yang lebih bercorak hiburan dan ringan pemikirannya. Hal yang sama ini juga akan dapat menjawab soalan mengenai bagaimanakah corak masyarakat atau insan yang ingin dilahirkan oleh pihak KPM di masa hadapan nanti.

Oleh sebab itu, hala tuju bidang pendidikan perlulah jelas dan teliti. Tindakan yang diambil pada masa ini akan melahirkan imej pada masa hadapan. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bolehlah diibaratkan bagaimana acuan begitulah kuihnya. Kita tidak mahu sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

2.5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengkaji cuba untuk menimbulkan persoalan akan ke mana sebenarnya hala tuju Komsas yang ingin dibawa oleh pihak KPM kini, setelah menyingkirkan karya-karya agung sebagai teks dalam pengajaran dan pembelajaran murid di bilik darjah.

Pengkaji juga ingin mengetahui sejauhmana benarnya akan penyataan bahawa karya agung adalah berat, manakala karya pop atau picisan yang ringan dikatakan dapat menarik minat murid terhadap sastera adalah benar atau tidak.

Pengkaji merasakan persoalan-persoalan yang dikaji ini bakal menjawab soalan iaitu ke mana hala tuju Komsas sebenar yang ingin dibawa oleh bidang pendidikan di Malaysia dan sekali gus memperlihatkan kedudukan sastera di kaca mata Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bahagian ini menghuraikan perkara penting tentang reka bentuk penyelidikan, jadual kajian, alat kajian, prosedur pengumpulan data dan penganalisisan data.

Bagi mendapatkan pengumpulan data yang tepat, pemilihan kaedah haruslah sesuai dengan tujuan penyelidikan. Hal ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kekaburan maklumat dan ralat dalam kajian yang akhirnya akan mengakibatkan kajian tersebut gagal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian dibuat berdasarkan dapatan data primer dan data skunder yang melibatkan kaji selidik dan juga membuat rujukan perpustakaan. Di samping itu, kajian ini juga merupakan kajian berbentuk deskriptif iaitu menggunakan soal selidik dalam pengumpulan data untuk menerangkan hala tuju pengajaran dan pembelajaran Komsas yang berlaku di sekolah-sekolah terpilih.

Penyelidikan yang dipilih amat bertepatan dengan perubahan dalam Kurikulum Bahasa Melayu KBSM iaitu bermulanya pengajaran dan pembelajaran Komsas sejak bulan Mac 2000 dan perubahan yang berlaku dalam penggunaan teks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada tahun 2010. Perubahan ini menyebabkan matlamat dan objektif hala tuju Komsas yang asal juga turut berganjak serba sedikit.

3.2.1 Kaedah Kajian Deskriptif

Kaedah kajian yang dipilih ialah kaedah tinjauan. Selain itu juga reka bentuk kajian ini bertujuan mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan sesuatu fenomena serta memberi penekanan kepada sejauhmana hubungan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Oleh hal yang demikian dalam kajian ini pengkaji telah menetapkan pembolehubahnya ialah guru Bahasa Melayu dan pelajar daripada lima buah sekolah yang mewakili Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Komsas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Kerangka Konsep

Penukaran buku teks Komsas, dengan meminggirkan karya-karya agung pada tahun 2010 dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menimbulkan reaksi yang pelbagai kepada guru-guru dan murid yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain itu juga kajian ini meliputi bagaimana sesuatu pelaksanaan itu berkesan atau tidak agar tercapai objektif yang dilaksanakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum terhadap perubahan teks Komsas dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat KBSM. Memang tidak dapat dinafikan Komsas merupakan sesuatu yang sukar. Oleh hal yang demikian, kerangka konsep hala tuju Komsas ini dikaji berikutan dengan pelaksanaan Komsas. Hal ini boleh dilihat melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk melihat sejauhmana teks Komsas baru telah memberi impak utama khasnya dari sudut persepsi guru dan murid yang terlibat secara langsung dalam sesi pembelajaran dan pengajaran Komsas di dalam bilik darjah.

3.3 Populasi Kajian

Populasi kajian melibatkan murid-murid dan guru-guru Bahasa Melayu di beberapa sekolah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang. Sampel kajian adalah seramai 25 orang guru dan 75 orang murid sebagai responden yang dipilih daripada lima buah sekolah menegah di sekitar daerah Seberang Perai Selatan.

3.3.1 Sampel Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sampel adalah sekumpulan kecil unsur yang telah diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel juga dikatakan mewakili sesuatu populasi di dalam sebarang tinjauan. Oleh hal yang demikian, tinjauan adalah untuk membuat analisis dan kesimpulan tentang sesuatu populasi berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sampel.

Populasi yang terdapat dalam kajian ini adalah merangkumi guru-guru Bahasa Melayu dan murid-murid yang terdiri daripada tingkatan satu dan empat. Hal ini kerana kedua-dua sampel berkenaan terlibat secara langsung dalam perubahan yang dilakukan oleh pihak KPM. Dalam kajian ini, sampel yang digunakan oleh penyelidik datangnya di sekitar kawasan sekolah menengah kebangsaan Seberang Perai Selatan yang dipilih di Pulau Pinang iaitu:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Widuri
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Nibong
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Empat
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian

Antara populasi kajian ialah :

i. Seramai lima orang guru dipilih dari setiap lima buah sekolah menengah kebangsaan kerana jumlah bilangan guru itu hanya ada sebanyak itu.

ii. Seramai lima belas orang murid dipilih daripada setiap lima sekolah menengah yang terdiri daripada murid tingkatan satu dan empat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang merupakan set soalan kajian yang dipecahkan kepada guru dan juga pelajar, iaitu bahagian A dan B untuk dijawab oleh guru, dan Bahagian B pula dipecahkan kepada tiga bahagian kecil iaitu bahagian i, bahagian ii dan bahagian iii. Bahagian i dan ii akan dijawab oleh guru, manakala bahagian iii akan dijawab oleh murid. Instrumen yang digunakan mengandungi beberapa komponen dan butirannya mengandungi skala iaitu skala 1 hingga 4.

i. Bahagian A mengandungi item yang berkaitan latar belakang responden .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Manakala pada bahagian B pula adalah soalan literature berkaitan dengan hala tuju, kualiti buku dan juga minat.

iii. Manakala soal selidik untuk mula pula, pengkaji menggunakan komponen seperti berikut di bahagian b (iii):

Bagi butiran setiap komponen pengkaji telah menggunakan skala Likert iaitu

1- Sangat Tidak Setuju (STS)
2- Tidak Setuju (TS)
3- Setuju (S)
4- Sangat Setuju (SS)

Berdasarkan data yang diperoleh pengkaji telah menganalisis dan memasukkan data tersebut dengan menggunakan sistem SPSS untuk melihat:-

1. Hala tuju Komsas
2. Kualiti Buku
3. Minat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data adalah penting supaya memudahkan pengkaji menjalankan penyelidikan dalam kajian ilmiah. Langkah-langkah yang telah dilakukan ialah seperti berikut:-

Langkah 1 :

Untuk menghasilkan kajian ilmiah ini pengkaji telah menetapkan satu tajuk yang sesuai untuk diselidiki. Pengkaji telah memilih tajuk '*Ke Mana Hala Tuju Komsas'*. Di samping itu pengkaji telah memilih beberapa sekolah di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daerah Seberang Perai Selatan untuk dijadikan sebagai populasi dan sampel kajian. Antara sekolah-sekolah yang dipilih ialah SMK Taman Widuri, SMK Sri Nibong, SMK Simpang Empat, SMK Tunku Abdul Rahman dan SMK Mutiara Impian.

Langkah 2 :

Langkah seterusnya pengkaji telah memohon kebenaran daripada pihak-pihak tertentu untuk menjalankan penyelidikan mengenai *'Ke Mana Hala Tuju Komsas'* di sekolah menengah kebangsaan sekitar Seberang Perai Selatan.

Langkah 3 :

Langkah berikutnya pengkaji telah pergi ke sekolah-sekolah tersebut untuk membuat tinjauan. Selepas itu pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada lima orang guru Bahasa Melayu dari setiap lima buah sekolah berkenaan. Untuk murid-murid pula pengkaji hanya memilih satu kelas daripada tingkatan satu atau empat bagi setiap sekolah terpilih dan menggunakan hanya seramai lima belas orang murid sahaja di sekolah-sekolah tersebut. Hal ini juga kerana bilangan murid yang ada sudah mencukupi bagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Penganalisisan Data

Data-data dan maklumat yang telah dikumpul daripada para guru dan murid dimasukkan dalam komputer. Borang soal selidik yang telah diisi akan dianalisis menggunakan program *Statistical Packages For Social Sciences (SPSS)* bagi memperoleh kekerapan, min dan sisihan piawaiannya. Data yang diperoleh kemudian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianalisis untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan data kajian.

3.7 Kesimpulan

Izharnya menunjukkan bahawa kajian yang dilakukan akan dapat membantu pengkaji dalam langkah penyelidikan bagi mendapatkan data dan hasil kajian. Sesuatu penyelidikan yang sempurna amat berhubung kait dengan kaedah penyelidikan dan juga keesahan kajian tersebut.

Hal ini kerana, perkara ini perlu diberi perhatian yang serius agar hasil kajian yang diperoleh tepat dan sempurna. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk memastikan ketepatan dalam menggunakan reka bentuk penyelidikan agar keputusan yang diambil bertepatan dan penyelidikan mengikut prosedur yang dirancang, persampelan yang sesuai, dan menjalankan kaedah kajian yang betul adalah merupakan tunjang bagi sesebuah kajian ilmiah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil dapatan yang diperoleh daripada penganalisisan data tentang 'Kejelasan Hala Tuju Komsas dalam Bahasa Melayu' sama ada menjadi lebih jelas setelah penukaran buku teks karya agung ke karya picisan atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu dapatan yang diperoleh berkaitan sejauh mana kualiti karya pop lebih baik berbanding karya agung dan juga kejayaan dalam menarik minat murid untuk lebih mendekati sastera atau memahami apa yang ingin disampaikannya dalam Bahasa Melayu juga akan dihuraikan oleh pengkaji dalam bab.

4.2 Latar Belakang Responden

Bahagian ini membekalkan maklumat berkaitan jantina, umur, etnik dan pengalaman mengajar responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Maklumat ini akan digunakan sebagai asas dalam huraian analisis dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Taburan Bilangan Guru Mengikut Jantina

JANTINA	BILANGAN
Lelaki	4
Perempuan	21
Jumlah	**25**

Jadual 4.1 di atas menunjukkan maklumat berkaitan latar belakang responden. Seramai 25 orang responden terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di lima buah sekolah menengah jenis kebangsaan di daerah Seberang Perai Selatan.

Responden terdiri daripada 4 orang guru lelaki dan 21 orang guru perempuan. Hal ini bermaksud bilangan responden yang terdiri daripada guru berjumlah 25 orang. Daripada dapatan ini jelas menunjukkan bilangan tertinggi ialah guru-guru perempuan berbanding guru lelaki yang mengisi borang selidik ini. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu yang mengisi borang soal selidik daripada lima buah sekolah ini kebanyakannya terdiri daripada guru perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2

Taburan Guru Mengikut Etnik

ETNIK	BILANGAN
Melayu	22
Cina	1
India	2
Jumlah	**25**

Jadual 4.2, menunjukkan bilangan responden mengikut etnik iaitu Melayu, Cina dan India. Seramai 22 responden terdiri daripada etnik Melayu, 1 orang responden terdiri daripada etnik Cina dan 2 orang reponden terdiri daripada etnik India.

Daripada dapatan kajian ini, jelaslah menunjukkan hampir keseluruhan responden yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada etnik Melayu berbanding dengan kaum-kaum lain seperti India dan Cina. Hal ini menjelaskan bahawa responden yang terdapat di 5 buah sekolah ini, yang mengajar Bahasa Melayu kebanyakannya terdiri daripada guru-guru Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Taburan Guru Mengikut Umur

UMUR	BILANGAN
25 - 30 tahun	5
31 - 35 tahun	5
36 - 40 tahun	3
41 - 45 tahun	8
46 - 50 tahun	3
50 - 55 tahun	1
Jumlah	**25**

Jadual 4.3 di atas menunjukkan peringkat umur responden yang menjawab soal selidik ini. Rata-rata umur responden ialah 25–30 tahun seramai 5 orang, 31-35 tahun seramai 5 orang, 36-40 tahun seramai 3 orang, 41-45 tahun seramai 8 orang, 46–50 tahun seramai 3 orang dan 50-55 tahun seramai 1 orang.

Daripada dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ini rata-ratanya tergolong dalam peringkat umur antara 20-an hingga 50-an. Hal ini menunjukkan bahawa responden sememangnya berpengetahuan luas dalam bidang Bahasa Melayu dan juga turut terlibat secara langsung dalam penerapan Komsas dalam Bahasa Melayu pada tahun 2001.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Pengalaman Mengajar Guru

PENGALAMAN MENGAJAR	BILANGAN
01-05 tahun	4
05-10 tahun	6
11- 15 tahun	7
16 – 20 tahun	4
21 – 25 tahun	3
26 – 30 tahun	1
Jumlah	**25**

Jadual 4.4 pula menunjukkan pengalaman mengajar seseorang guru dalam bidang pendidikan dan sekali gus mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengalaman responden ini dikategorikan kepada 6 mengikut peringkat tahun. Pengalaman mengajar responden yang menjawab soal selidik ini yang pertama ialah 1-5 tahun ialah seramai 4 orang responden, 5-10 tahun seramai 6 orang responden, 11-15 tahun seramai 7 orang responden, 16-20 tahun seramai 4 orang responden, 21-25 tahun seramai 3 orang responden dan akhir sekali 26 -30 tahun seramai 1 orang responden.

Oleh hal yang demikian, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa rata-rata responden berpengalaman sebagai guru terlatih dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, penyataan atau pendapat yang diberikan oleh responden ini amat berguna dan bernilai kerana mereka merupakan orang lama dan berpengetahuan luas dalam bidang bahasa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu kajian ini juga turut melibatkan 75 orang responden yang terdiri daripada murid yang diambil daripada lima buah sekolah di daerah Seberang Perai Selatan Pulau Pinang. Responden ini diambil untuk melihat kebenaran akan pertambahan minat mereka dalam mempelajari Komsas selepas penukaran teks Komsas 2010 berbanding dahulu. Namun, fokus hanya diberikan terhadap minat mereka dalam mempelajari teks Komsas pada 2010 berbanding teks Komsas yang dahulu.

Jadual 4.5

Taburan Bilangan Murid Mengikut Jantina

JANTINA	BILANGAN
Lelaki	30
Perempuan	45
Jumlah	**75**

Jadual 4.5 di atas menunjukkan maklumat berkaitan latar belakang responden yang terdiri daripada kalangan murid. Sebanyak 75 orang responden diambil dari lima buah sekolah menengah jenis kebangsaan di daerah Seberang Perai Selatan.

Responden terdiri daripada 30 orang murid lelaki dan 45 orang perempuan. Daripada dapatan ini jelas menunjukkan bilangan tertinggi ialah murid-murid perempuan berbanding murid lelaki yang mengisi borang selidik ini. Hal ini menunjukkan bahawa murid yang mengisi borang soal selidik daripada lima buah sekolah ini kebanyakannya terdiri daripada murid perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6

Taburan Murid Mengikut Etnik

ETNIK	BILANGAN
Melayu	50
Cina	15
India	10
Jumlah	**75**

Jadual 4.6 di atas juga menunjukkan bilangan responden yang terdiri dari kalangan murid mengikut etnik iaitu Melayu, Cina dan India. Seramai 50 orang responden terdiri daripada etnik Melayu, 15 orang responden terdiri daripada etnik Cina dan sebanyak 10 orang responden terdiri daripada etnik India.

Daripada dapatan kajian ini, jelaslah menunjukkan hampir keseluruhan responden yang menjawab soal selidik ini terdiri daripada etnik Melayu berbanding dengan kaum-kaum lain seperti India dan Cina. Hal ini menunjukkan bahawa kelima-lima buah sekolah yang dikaji secara keseluruhannya terdiri daripada murid-murid Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini pengkaji mengemukakan beberapa soalan berkaitan kajian dan juga menunjukkan hasil yang diperoleh daripada kajian ini melalui jadual berkenaan.

4.3.1 Soalan Kajian 1

Adakah hala tuju Komsas dalam Bahasa Melayu menjadi lebih jelas setelah penukaran buku teks karya agung ke karya picisan?

Jadual 4.7

Min dan Sisihan Piawai bagi Soal Selidik Kejelasan Hala Tuju Komsas

Bil	Penyataan	Min	Sisihan Piawaian
1.	Karya agung memenuhi kualiti sastera.	3.44	0.507
2.	Karya pop memenuhi kualiti sastera.	2.24	0.663
3.	Murid mengetahui wujudnya penganugerahan dalam sastera seperti Hadiah Nobel, Pulitzer dan Booker, S.E.A Write Award melalui pembacaan karya pop.	1.88	0.666
4.	Murid mengenali Muhammad Hj Salleh, Nordin Hassan dan Arena Wati.	2.00	0.707
5.	Murid mengenali Ahadiat Akashah, Sharifah Abu Salem dan Mohamad Yazid Abdul Majid.	2.56	0.768
6.	Jikalau karya agung terlalu berat, maka sepatutnya kita menggugurkan juga elemen algebra, statistik yang sukar dalam matematik.	2.52	1.005

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

7.	Tidak ada lagi karya agung yang mampan layak dijadikan teks selain karya pop.	2.16	0.624
8.	Karya agung yang sarat dengan falsafah hanya sesuai dijadikan teks akademik peringkat pengajian tinggi sahaja.	2.92	0.702
9.	Murid-murid kini hanya sesuai dengan bahan bacaan mudah dan ringan serta berorientasikan hiburan semata-mata.	2.52	0.918
10.	Adakah salah mewujudkan daya berfikir yang mendalam tentang sesuatu isu/ lebih kreatif dalam penyelesaian masalah iaitu menggunakan pemikiran lateral/berfikiran jauh.	2.20	0.816
11.	Benarkah fungsi Sasterawan Negara akan hilang sekiranya karya mereka tercicir dalam sistem pendidikan nasional.	3.08	0.862
12.	Sastera bertujuan untuk murid belajar mengenai element Kesusasteraan Bahasa, di samping belajar cara mengolah, menginterpretasi karya sastera .	3.36	0.569
13.	Pembacaan anak-anak muda akan tercemar dengan karya yang tidak memupuk budaya berfikir.	3.48	0.653
14.	Karya sastera merupakan satu cabang mendidik anak muda supaya cenderung menelaah karya berat dan sarat dengan kritikan sosial supaya mereka terdidik sebagai generasi berilmu, kritis dan kreatif.	3.72	0.458
15.	Melalui karya murid dapat mengenali tokoh, peristiwa atau sejarah sesebuah negara.	3.52	0.510
16.	Karya A. Samad Said banyak menceritakan tentang kehidupan di peperangan dan Usman Awang banyak menghasilkan karya yang bersangkut-paut dengan peristiwa besar yang melanda negara.	3.04	0.611
17.	Sastera di Malaysia bertujuan menjana minda, rohani, emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan ke arah pembinaan insan bestari.	3.36	0.638

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

18.	Karya-karya remaja terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sukar difahami berbanding karya-karya popular/ pop.	2.24	0.597

Petunjuk : 1 - Sangat Tidak Setuju, 2 - Tidak Setuju, 3- Setuju, 4- Sangat Setuju

Jadual 4.7 di atas memperlihatkan bahawa 6 item yang dijawab oleh responden mempunyai nilai min bawah 2.50, 4 item memiliki nilai min atas daripada 2.50 dan 8 lagi item mempunyai nilai min 3.00 ke atas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 14

Penyataan	Skala	Bilangan
Karya sastera mendidik generasi menjadi berilmu, kritis, kreatif	S SS	7 18
	Total	**25**

Dapatan menunjukkan jawapan yang diberikan oleh responden bagi item 14 adalah yang paling tinggi iaitu dengan min 3.72. Responden yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu bersetuju seratus peratus bahawa karya sastera merupakan satu cabang mendidik anak-anak muda supaya mereka cenderung menelaah karya berat dan sarat dengan kritikan sosial.

Jaafar Rahim (1993, 14 April), menggesa semua masyarakat termasuk golongan murid, sarjana dan cendikiawan meruntuhkan tembok akal yang selama ini mengasingkan mereka daripada bergerak ke arah pembaharuan, perkongsian ilmu dan pemikiran. Hal ini bertujuan agar mereka, iaitu murid-murid dapat dididik dan dibentuk menjadi generasi yang berilmu, berfikiran kreatif dan kritis serta berpandangan jauh ke hadapan. Secara tidak langsung, hal ini dapat merealisasikan hasrat negara dalam menuju Wawasan 2020, iaitu melahirkan golongan cerdik pandai yang akan membantu memajukan negara Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 3

Penyataan	Skala	Bilangan
Murid tahu kewujudan anugerah S.E.A Write atau sebagainya melalui karya pop	STS TS S **Total**	7 14 4 **25**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 5

Penyataan	Skala	Bilangan
Melalui karya murid kenali tokoh atau sejarah sesebuah negara.	S SS **Total**	12 13 **25**

Selain itu, didapati nilai min bagi item 3 berjumlah 1.88. Hal ini membuktikan bahawa responden yang terdiri daripada murid tidak mengetahui kewujudan anugerah-anugerah sastera dengan hanya membaca karya-karya pop.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 21 daripada 25 responden beranggapan bahawa murid-murid tidak mungkin dapat mengenali tokoh atau sejarah sesebuah negara melalui pembacaan karya pop, sedangkan kita tahu bahawa melalui pembacaan sesebuah karyalah, maka mereka ini dapat mengenali atau mengetahui sesuatu maklumat.

Namun hal sebaliknya berlaku, didapati sesetengah murid kini mengenali penulis karya pop berbanding penulis karya agung kerana mereka lebih banyak didedahkan dengan karya-karya seperti ini. Hal ini merupakan suatu situasi yang tidak sihat. Sasaran sebenar penerapan Komsas menjadi tidak berkesan seandainya bahan yang dimuatkan dalam teks menjarakkan lagi murid-murid dengan tokoh serta dunia sastera kita. Jikalau perkara ini dibiarkan, lama-kelamaan bidang sastera ini akan luput ditelan dek zaman.

Seterusnya min 2.16 bagi item 5 seperti yang terdapat dalam rajah 4.10, menjelaskan dapatan kajian, bahawa sesetengah guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa masih terdapat banyak lagi karya-karya mampan hasil penulisan Sasterawan yang boleh dijadikan sebagai teks sekolah. Misalnya Pemimpin Kecil dari Kuala Semantan karya Keris Mas yang mantap serta memperlihatkan perkembangan peluasan kosa kata dalam Bahasa Melayu. Karya-karya seperti inilah yang perlu dijadikan bahan bacaan murid berbanding karya-karya biasa. Hal ini bertepatan dengan matlamat Komsas itu sendiri untuk membantu mengembangkan bahasa atau kosa kata seseorang murid dalam Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 11

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus Kesahan
Fungsi sasterawan	STS	2	8.0
hilang jika karya	TS	2	8.0
mereka dipinggir	S	13	52.0
	SS	8	32.0
	Total	**25**	**100.0**

Kajian mendapati bahawa item 11 dengan minnya 3.08 memperlihatkan bahawa sebanyak 21 daripada 25 guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa fungsi atau peranan Sasterawan Negara akan tergugat seandainya karya mereka tercicir dalam sistem pendidikan nasional.

Malahan kajian juga menunjukkan min 3.04 bagi item 16 iaitu, para guru Bahasa Melayu bersetuju bahawa karya-karya para Sasterawan seperti A. Samad Said, Shahnon Ahmad banyak mengisahkan tentang kehidupan semasa peperangan dan peristiwa besar yang melanda negara. Oleh sebab inilah, maka karya-karya yang tinggi nilainya ini patut dijadikan sebagai teks sekolah. Jikalau karya yang sebegini dipinggirkan, maka tiada guna pelbagai gelaran atau anugerah yang telah diberikan kepada para Sasterawan ini.

Karya-karya agung ini perlu dijadikan bahan bacaan murid-murid sekolah kerana banyak memuatkan perkara-perkara yang berlaku sebelum peperangan, semasa dan selepas peperangan, perkembangan teknologi, perkara-perkara yang berlaku di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekeliling atau jangkaan pada masa hadapan yang tidak diketahui, terfikir atau terjangkau oleh murid-murid atau remaja pada hari ini.

Hal ini selari dengan matlamat sastera di Malaysia yang bukan sahaja memberikan penekanan kepada pembinaan masyarakat, penglahiran nilai-nilai kemanusiaan atau penyuburan budaya bangsa, malahan juga untuk memastikan agar setiap murid atau masyarakat mengenali akan dunia sastera itu sendiri (Rusni Ahmad, 1993: 3). Oleh sebab itu, pelbagai usaha untuk mengetengahkan karya-karya agung bagi memastikan fungsi para Sasterawan dapat berkembang dengan lebih luas amatlah digalakkan. Sesungguhnya, semua pihak harus menyedari bahawa sastera juga berperanan dalam memajukan serta membangunkan identiti sesebuah negara.

Jadual 4.12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual Kejelasan Hala Tuju Komsas Item 13

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus Kesahan
Pembacaan murid tercemar dgn karya yang tidak memupuk minda	TS	2	8.0
	S	9	36.0
	SS	14	56.0
	Total	**25**	**100.0**

Seterusnya guru-guru Bahasa Melayu juga berpendapat bahawa pembacaan anak-anak muda kini akan tercemar jikalau mereka hanya membaca karya-karya ringan yang tidak memupuk minda. Hal ini dipersetujui oleh Ainon Muhammad dan Abdulllah Hassan (1993) yang berpendapat bahawa adalah penting untuk merangsang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masyarakat Malaysia ke arah berfikiran kritis dan kreatif agar sesuai dengan perkembangan teknologi canggih dan pasca-modenisme ini.

Hal ini jelas apabila min bagi item 14 berjumlah 3.48, iaitu sebanyak 23 daripada 2 orang guru berpendapat bahawa pembacaan para murid akan terjejas, tidak berkembang dan tidak bermanfaat jikalau karya tersebut tidak mampu mencabar dan sekali gus memupuk minda para murid di sekolah. Perakuan yang diperoleh ini membuktikan bahawa seluruh masyarakat tahu akan pentingnya murid-murid didedahkan dengan bahan bacaan yang bermutu. Hal ini dapat menepati matlamat dan objektif sebenar pelaksanaan Komsas di sekolah.

Oleh sebab itu, buku-buku atau karya-karya yang tinggi nilainya sahaja yang layak dijadikan teks di sekolah-sekolah dalam usaha membentuk individu yang berilmu. Hal ini perlu kerana kejelasan matlamat sangat penting dengan apa yang hendak Kementerian Pendidikan Pelajaran terapkan di sekolah.

Bukan persoalan minat, teks, karya ringan atau berat, menghiburkan atau sebagainya yang perlu kita perhatikan. Apa yang lebih penting di sini ialah matlamat yang ingin diterapkan secara halus dan tidak langsung dalam diri murid-murid sekolah. Seperti yang diperkatakan oleh Jaafar Rahim (1994), bahawa pembentukan masyarakat Malaysia ke arah masyarakat yang berfikir dan mengutamakan kehidupan yang berbudaya tinggi memerlukan tapak asas atau falsafah yang kukuh dan mantap.

Andaikata matlamat atau objektif pelaksanaan tidak dikukuhkan atau sering berubah-ubah, mustahil kita dapat mencapai apa yang disasarkan. Mahaya Mohd Yassin (2001: 2), menyatakan bahawa Kesusasteraan Melayu yang diterapkan dalam Komsas itu sebenarnya sudah cukup unggul, tetapi tanpa mengeksploitasi keunggulan itu, maka keistimewaanya akan tersembunyi. Oleh sebab itu, pihak yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab tidak perlulah merubah sesuatu yang baik, tapi memperkasakan apa yang sedia ada itu sahaja agar menjadi lebih kukuh.

4.3.2 Soalan Kajian 2

Adakah teks Komsas 2010 lebih berkualiti berbanding teks Komsas lama?

Jadual 4.13

Min dan Sisihan Piawai bagi Soal Selidik Kualiti

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawaian
1.	Karya agung banyak mengajar akal dan mendidik jiwa .	3.60	0.577
2.	Karya sasterawan negara tidak sesuai untuk dipelajari.	1.72	0.614
3.	Karya pop sangat sesuai untuk dipelajari.	2.40	0.866
4.	Karya-karya agung penuh dengan kritikan sosial yang memungkinkan murid-murid sekolah menjadi celik akal.	3.40	0.500
5.	Adakah murid-murid mengenali nama-nama tokoh sastera seperti Arena Wati, Shahnon Ahmad, Muhammad Hj Salleh dan Nordin Hassan melalui buku teks sekolah.	2.40	0.577
6.	Karya-karya Ahadiat Akashah, Sharifah Abu Salem amat baik untuk dijadikan teks sekolah.	2.40	0.764
7.	Karya pop lebih ringan dan menarik perhatian.	3.00	0.500
8.	Karya agung, berat dan sarat dengan pemikiran serta tidak menarik perhatian.	2.72	0.614
9.	Karya agung memungkinkan lahirnya golongan pemikir.	3.44	0.712
10.	Karya pop memungkinkan lahirnya golongan pemikir.	2.28	0.678
11.	Karya agung banyak menggunakan bahasa yang puitis,		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gramatis dan bersifat estetik.	3.28	0.678
12.Karya pop banyak menggunakan bahasa yang puitis, gramatis dan bersifat estetik.	2.48	0.714
13.Karya agung dapat memertabatkan budaya warisan.	3.60	0.500
14.Karya pop dapat memertabatkan budaya warisan.	2.24	0.723
15.Karya pop banyak mengajar akal dan mendidik jiwa.	2.44	0.768
16.Karya yang diiktiraf lebih sesuai dijadikan bahan bacaan murid.	3.32	0.557
17. Karya pop lebih sesuai dijadikan bahan bacaan murid.	2.44	0.712
18. Karya agung mempunyai nilai-nilai pendidikan yang ketara.	3.44	0.651
19. Karya pop mempunyai nilai-nilai pendidikan yang ketara.	2.28	0.614

Petunjuk :1 - Sangat Tidak setuju, 2 -Tidak setuju, 3- Setuju, 4 – Sangat Setuju

Daripada jadual 4.13 di atas, menunjukkan min bagi kualiti buku Komsas tertinggi antara 1.72 hingga 3.60.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Jadual Kualiti Buku Item 1

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Karya agung mendidik jiwa	TS	1	4.0	4.0
	S	8	32.0	36.0
	SS	16	64.0	100.0
	Total	**25**	**100.0**	

Jawapan yang diberikan oleh responden pada item 1, jadual 4.14 menunjukkan seramai 24 daripada 25 responden bersetuju bahawa karya agung banyak mengajar akal dan mendidik jiwa iaitu dengan min berjumlah 3.60.

Hal ini kerana karya-karya agung ini amat berkualiti serta mendapat pengiktirafan sastera seperti Pulitzer, S.E.A Write Award dan sebagainya. Dalam Mingguan Malaysia 13 Disember 1992, Jaafar Rahim dengan lantangnya menyeru agar kaum penulis berfikir besar ke arah penglahiran karya-karya agung.

Pengiktirafan yang diberi menandakan bahawa buku tersebut sangat tinggi nilai kualiti penulisannya dan tidak setara dengan buku-buku penulisan yang lain. Penganugerahan ini bukan sahaja membezakan buku-buku ini dengan buku-buku biasa, malahan menjadikan buku tersebut sangat berharga. Hal inilah yang membezakan karya agung (berkualiti dan diiktiraf) dengan karya pop (kurang berkualiti atau diiktiraf).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Jadual Kualiti Buku Item 3

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Karya pop	STS	3	12.0	12.0
sangat sesuai	TS	12	48.0	60.0
dipelajari	S	7	28.0	88.0
	SS	3	12.0	100.0
	Total	**25**	**100.0**	

Penyataan di jadual 4.15, menunjukkan 15 daripada 25 orang responden semasa menjawap item 3 dengan jumlah min 2.40, menolak bahawa karya pop sangat sesuai untuk dipelajari. Hal ini dipersetujui oleh Rahman Shaari (1989), yang menjelaskan bahawa bahan yang berkualiti dalam sastera mengutamakan bahasa yang tepat, tatabahasa yang betul dan berupaya memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih indah dan matang.

Responden juga mempunyai pendapat yang sama iaitu, bahan bacaan yang berkualiti dan tepat adalah perlu, untuk memastikan apa yang disasarkan tercapai objektifnya. Malahan responden juga memahami bahawa dalam usaha membentuk masyarakat berilmu, penekanan kepada bahan yang ingin dijadikan bacaan amatlah dititikberatkan kerana kita tidak mahu menjadi seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui item 7 dalam jadual 4.13, didapati responden setuju bahawa karya pop adalah lebih ringan dan menarik perhatian dengan nilai min 3.00, namun ini tidak bermaksud responden bersetuju untuk meminggirkan karya agung sebagai bahan bacaan di sekolah. Daripada dapatan kajian, didapati responden sendiri kurang bersetuju andaikata hasil penulisan seperti Sharifah Abu Salem atau Ahadiat Akashah dimuatkan dalam teks sekolah. Min bagi item 6 ini, berjumlah 2.40.

Menurut Mana Sikana (1990) dalam buku 'Citra Komsas' penulisan Nik Hassan Basri Nik Abd Karim yang menyatakan bahawa pentingnya sesuatu bahan memenuhi fungsi kriteria sasteranya kerana terdapat sesetengah karya yang memiliki sifat negetif seperti bersifat 'pop' (yang mengejar sensasi khalayak), 'eotis' (yang menghayalkan darah muda), dan 'picisan' (yang murah dan nipis mutu seninya).

Sesungguhnya, senario seperti ini sememangnya amat menyedihkan. Jika ditinjau didapati masih ramai lagi masyarakat termasuk murid-murid yang buta sastera. Sehingga kini mereka masih tidak mengenali siapakah itu Keris Mas, Nordin Hassan, Muhammad Hj Salleh, Tongkat Warran, A. Samad Said ataupun Shahnon Ahmad yang merupakan tokoh Sasterawan Negara kita, sedangkan gelaran tersebut telah lama disandang oleh tokoh-tokoh ini. Hal ini berbeza di Barat, para Sasterawan mereka amat dikenali dan karya mereka juga diberikan tempat dalam usaha mengembangkan negara berbanding di dalam Malaysia.

Andaikata karya pop diketengahkan adakah perubahan terhadap dunia sastera akan berlaku?. Jawapannya sudah tentulah tidak, kerana masih terdapat sebilangan murid atau masyarakat yang masih tidak mengenali siapa itu Sharifah Abu Salem atau Ahadiat Akashah. Hal ini kerana nama-nama penulis karya pop ini, walaupun telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

wujud lama dalam arena sastera, namun pembacanya hanya terdiri daripada segelintir golongan sahaja.

Masalah bukan hanya wujud disebabkan perbezaan etnik seperti India dan Cina sahaja, malah boleh dikatakan terdapat juga segelintir masyarakat Melayu itu sendiri, tidak mengenali siapakah nama-nama yang dinyatakan di atas, sama ada ia merupakan penulis bagi karya agung mahupun karya pop. Oleh sebab itu, pengkaji melihat bahawa dengan penukaran buku teks pada 2010, masih tidak mampu memungkinkan murid-murid untuk mengenali tokoh-tokoh sastera mahupun untuk mendekati serta mengikuti perkembangan dunia sastera dalam negara.

Jadual 4.16

Jadual Kualiti Buku Item 9 dan 10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Karya agung memungkinkan lahirnya gol. pemikir	STS	1	4.0	4.0
	S	11	44.0	48.0
	SS	13	52.0	100.0
	Total	**25**	**100.0**	

Melalui jadual 4.16, 24 daripada 25 responden menyatakan bahawa karya agung lebih berkualiti kerana dapat melahirkan golongan pemikir dengan jumlah minnya 3.44, berbanding karya pop dengan min 2.24. Hal ini diakui oleh H.D. Albright (1968) yang menyatakan sebuah karya yang baik ialah karya yang mempunyai kesan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendalam, memberikan pemikiran dan falsafah yang berguna dan tahan diuji. Selain itu, dapatan kajian mendapati responden memberikan jawapan pada item 18 iaitu karya agung mempunyai nilai pendidikan yang ketara berbanding karya pop dengan jumlah minnya 3.44 berbanding min karya pop berjumlah 2.28.

Perbezaan kedua-dua min dari item karya agung adalah sangat tinggi berbanding min daripada karya pop. Hal ini menunjukkan bahawa kualiti karya–karya agung sememangnya diakui dan tidak dapat disangkal oleh para responden. Selain itu, pengisian yang terdapat dalam karya-karya agung ini dikatakan lebih baik daripada karya pop.

Oleh sebab itulah karya agung ini dikatakan lebih sesuai untuk dijadikan bahan asas bacaan di sekolah berbanding karya pop. Hal ini kerana dengan adanya bahan bacaan yang berkualiti, akan dapat memastikan murid-murid dapat mempelajari asas bahasa yang mantap, membina pemikiran yang kreatif dan kritis, berbudaya serta berilmu tinggi. Oleh sebab itu, kualiti sesuatu bahan bacaan amatlah dipentingkan oleh responden yang terdiri daripada guru-guru bahasa terhadap murid-muridnya.

Akhir sekali responden hampir keseluruhannya bersetuju dengan kenyataan item 13 iaitu dengan jumlah min 3.60, bahawa karya agung dapat memartabatkan budaya warisan lebih daripada karya pop yang minnya hanya berjumlah 2.24. Hal ini kerana kebanyakan hasil penulisan karya agung banyak berkisar mengenai perjuangan dan kisah hidup masyarakat dahulu, kini dan juga pada masa hadapan. Selalunya karya-karya agung ini banyak mencerminkan budaya bangsa berbanding karya pop yang lebih mengisahkan perihal mengikut kehendak masyarakat. Oleh sebab itu, karya-karya agung yang diiktiraf ini selalu digunakan untuk memperkenalkan Malaysia kepada dunia luar. Hal ini bukan sahaja dapat membuka mata masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dunia akan budaya masyarakat Timur, malahan juga dapat meningkatkan ekonomi negara dengan kedatangan pelancong ke Malaysia.

Selain itu, bagi melayakkan untuk mendapat pengiktirafan, para penulis yang diiktiraf akan memastikan kualiti sesebuah karya yang dihasilkannya itu menepati syarat yang telah ditetapkan sama ada dari segi bahasa, teknik penceritaan dan sebagainya amatlah diberi perhatian. Oleh sebab itulah, maka hasil karya-karya para Sasterawan dikatakan sangat berkualiti berbanding karya-karya penulis lain.

Misalnya karya-karya berkualiti yang masih kekal menjadi bahan bacaan masyarakat ialah karya A. Samad Said yang berjudul Salina, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk karya Hamka atau karya Shahnon Ahmad yang berjudul Ranjau Sepanjang Jalan. Karya ini bukan sahaja laris bagai goreng pisang panas, malah memuatkan banyak input-input yang berguna kepada pembacanya. Jadi ini merupakan satu lagi alasan yang baik untuk membuktikan mengapa karya agung perlu dikekalkan sebagai teks bacaan murid-murid di sekolah berbanding karya pop.

Melalui dapatan di atas, nyatalah kepada kita bahawa sesuatu bahan atau hasil karya yang berkualiti atau tinggi nilainya seharusnya diketengahkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kepada murid-murid di sekolah. Hal ini kerana sekolah merupakan tempat pertama murid-murid menerima ilmu. Oleh sebab itu, seeloknya mereka dibekalkan dengan ilmu yang bukan sahaja berguna, tetapi berupaya meningkatkan kualiti agar membentuk menjadi murid yang berintelektual tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Soalan Kajian 3

Penukaran buku teks ini berjaya menarik minat murid untuk lebih mendekati sastera atau memahami apa yang ingin disampaikannya?

Jadual 4.17

Min dan Sisihan Piawai bagi Soal Selidik Minat Murid

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawaian
1.	Murid berminat dengan mata pelajaran komsas kini.	2.96	0.779
2.	Murid berminat membaca buku teks komsas kini berbanding dahulu.	2.65	0.780
3.	Murid mempelajari komsas semata-mata untuk lulus peperiksaan.	2.15	0.926
4.	Teks baru memungkinkan murid mengetahui perkembangan dunia sastera di tanah air	2.20	0.854
5.	Teks Komsas kini dapat meningkatkan prestasi Bahasa Melayu mereka.	3.05	0.769
6.	Komponen sastera di dalam Bahasa Melayu kini berjaya membawa murid untuk lebih menghayati Kesusasteraan Melayu.	2.44	0.826
7.	Buku teks 2010 lebih menarik minat murid untuk belajar.	2.73	0.920
8.	Murid kini kelihatan lebih bersemangat untuk belajar.	2.33	0.777
9.	Melalui pembacaan teks 2010 ,pelajar menjadi lebih berminat untuk membaca bahan sastera yang lain .	2.20	0.717
10.	Murid berasa lebih yakin untuk menyatakan pendapatnya setelah membaca teks Komsas 2010.	2.61	0.751

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

11.	Murid merasakan subjek Komsas ini mulai senang dan mudah difahami.	2.73	0.890
12.	Murid kerap kali melibatkan diri semasa perbincangan Komsas dilakukan kerana teksnya mudah difahami.	2.31	0.771
13.	Membaca teks Komsas kini adalah lebih menyeronokkan berbanding dahulu.	2.89	0.689
14.	Teks 2010 menjadikan, murid dapat menghuraikan aspek komsas dengan mudah.	2.52	0.777
15.	Murid menjadi lebih berminat untuk mengkaji aspek dalam teks sastera berbanding dahulu.	2.29	0.731

Petunjuk :1 -Sangat Tidak Setuju, 2 -Tidak Setuju, 3- Setuju, 4 – Sangat Setuju

Daripada penyataan di jadual 4.17 menunjukkan min bagi minat murid rata-rata terletak antara 2.15 hingga 3.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.18

Jadual Minat Murid Item 2

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Murid berminat baca buku teks komsas kini berbanding dulu.	STS	5	6.7	6.7	4.0
	TS	25	33.3	33.3	48.0
	S	36	48.0	48.0	100.0
	SS	9	12.0	12.0	
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

Melalui jadual di atas menunjukkan bilangan murid yang berminat membaca teks 2010 berbanding dahulu. Seramai 45 daripada 75 orang murid yang menyatakan bahawa dengan adanya penukaran buku teks baru ini, menimbulkan minat mereka untuk membaca buku-buku tersebut.

Hal ini merupakan suatu perkara yang baik dan memenuhi matlamat asal penerapan Komsas dalam Bahasa Melayu iaitu, menimbulkan minat membaca dalam diri murid-murid sekolah. Hal ini mungkin disebabkan tajuk-tajuk atau jalan ceritanya masih baru, menarik, mudah dan ringan. Misalnya cerita Antologi Kasut Kelopak Jantung dan Novel Hikmah tingkatan satu dan Antologi Harga Remaja dan Novel Azfa Hanani tingkatan empat yang merupakan karya baru yang dimuatkan dalam teks Komsas 2010.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.19

Jadual Minat Murid Item 5

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Teks komsas kini meningkatkan prestasi BM murid.	STS	3	4.0	4.0	4.0
	TS	11	14.7	14.7	18.7
	S	40	53.3	53.3	72.0
	SS	21	28.0	28.0	100.0
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui jadual ini, dapatan yang diperoleh memperlihatkan bahawa penukaran teks baru menimbulkan minat murid-murid terhadap mata pelajaran Komsas, dengan min berjumlah 2.96. Malahan dikatakan teks kini dapat meningkatkan prestasi Bahasa Melayu para responden yang terdiri daripada murid dengan minnya berjumlah 3.05.

Dengan timbulnya minat terhadap buku baru ini menyebabkan murid-murid berminat mempelajari Komsas yang akhirnya menjadikan peratusan kelulusan dalam Bahasa Melayu semakin meningkat. Hal ini merupakan suatu perkembangan yang positif bagi murid-murid secara individunya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.20

Jadual Minat Murid Item 7

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Teks Komsas 2010 lebih menarik minat murid.	STS	3	4.0	4.0	4.0
	TS	14	14.7	14.7	18.7
	S	24	53.3	53.3	72.0
	SS	21	28.0	28.0	100.0
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Jadual Minat Murid Item 13

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Teks Komsas kini lebih menyeronokkan berbanding teks dulu.	STS	0	0	0	20.7
	TS	12	20.7	20.7	81.0
	S	35	60.3	60.3	100.0
	SS	11	19.0	19.0	
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seramai 45 ke atas responden yang terdiri daripada murid menyatakan bahawa buku teks 2010 adalah lebih menarik dan menyeronokkan berbanding teks dahulu dengan min masing-masing berjumlah 2.73 dan 2.89. Hal ini menyebabkan responden merasakan subjek Komsas menjadi senang dan mudah untuk difahami dengan minnya berjumlah 2.73. Perkara ini seolah-olah menggambarkan bahawa akhirnya penerapan Komsas seakan tercapai matlamat atau objektifnya.

Jadual 4.22

Jadual Minat Murid Item 4

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Teks baru memungkinkan murid kenali perkem. dunia sastera.	STS	18	24.0	24.0	24.0
	TS	27	36.0	36.0	60.0
	S	27	36.0	36.0	96.0
	SS	3	4.0	4.0	100.0
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

Namun sebaliknya, semua ini juga masih tidak mampu mengubah sikap murid-murid untuk mendekati dunia sastera. Melalui jadual 4.22, dapatan menunjukkan seramai 45 daripada 75 murid masih lagi tidak mengetahui atau mengambil tahu tentang perkembangan berkaitan sastera di tanah air apatah lagi untuk benar-benar menghayati Kesusasteraan yang ada. Jumlah minnya ialah 2.20 berbanding 2.44. Othman Puteh (1990-96: 73), menyatakan Kesusasteraan Melayu diajarkan secara terancang sepanjang tahun persekolahan dengan waktu tertentu, dengan tujuan tertentu dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif tertentu juga. Hal inilah menyebabkan pembinaan minat murid-murid terhadap karya-karya sastera menjadi kurang berkesan.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat segelintir responden yang masih tidak bersemangat semasa mempelajari Komsas dengan jumlah minnya 2.33. Oleh sebab itu murid jarang melibatkan diri dalam perbincangan berkaitan Komsas ataupun mengkaji aspek sastera dalam teks tersebut, dengan jumlah min masing-masing iaitu 2.31 dan 2.29. Hal ini bertentangan dengan matlamat KPM (2003: 29), yang menekankan bidang maklumat dengan memberi tumpuan kepada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu.

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa tanggapan bahawa penukaran buku teks Komsas pada tahun 2010 dapat mendekatkan murid dengan dunia para sastera adalah kurang tepat. Hanya sedikit sahaja perubahan yang berlaku terhadap murid-murid. Hal ini kerana mereka sekadar mempelajari Komsas semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan. Responden yang terdiri daripada murid-murid ini masih tetap tidak menggemari sastera walau apapun perubahan yang dilakukan.

Murid-murid bukan sahaja tidak mengenali tokoh-tokoh sasterawan yang ada dalam negara, malahan anugerah-anugerah yang terdapat dalam bidang sastera seperti Publizer atau S.E.A Write Award, juga tidak ada dalam pemikiran mereka. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat membezakan mana satukah karya yang sesuai atau tidak untuk dijadikan sebagai bahan bacaannya.

Selain itu, apabila murid tidak berminat untuk mengkaji teks Komsas, maka mereka tidak akan dapat menghayati segala apa yang terkandung dalam karya tersebut. Misalnya maksud tersirat yang ingin dilukiskan oleh penyajak kepada pembacanya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran, nilai yang ingin dibawa oleh pengarang tidak dapat dihayati oleh murid-murid. Hal ini akan menyebabkan murid-murid berasa bosan dan akhirnya menjadi kurang berminat untuk mempelajari Komsas. Oleh sebab itu, pertimbangan yang wajar perlu diberi semasa pemilihan sesuatu bahan dilakukan, agar apa yang diputuskan tidak menjadi sia-sia di kemudian hari. Hal ini kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya.

Jadual 4.23

Jadual Minat Murid Item 9

Penyataan	Skala	Bilangan	Peratus	Peratus Kesahan	Peratus Kumulatif
Murid berminat membaca teks sast lain selepas membaca teks Komsas 2010	STS	8	10.7	10.7	10.7
	TS	49	65.3	65.3	76.0
	S	13	17.3	17.3	93.0
	SS	5	6.7	6.7	100.0
	Total	**75**	**100.0**	**100.0**	

Selain itu jadual 4.23, menunjukkan 57 orang responden bersetuju bahawa penukaran buku teks 2010 ini masih tidak mampu menarik minat murid-murid untuk membaca bahan sastera yang lain. Hal ini dapat dilihat daripada dapatan yang diperoleh menunjukkan min bagi item 9 berjumlah 2.20.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini merupakan suatu perkhabaran yang buruk bagi para pejuang sastera kerana hasrat untuk memartabatkan sastera bukan sahaja tidak tercapai, malah telah dinisankan dengan penukaran karya agung kepada karya pop atau picisan.

Seharusnya PPK serta pihak yang terlibat dalam pemilihan buku teks perlu lebih peka dan berfikiran jauh. Bak pepatah ada menyatakan berakit-rakit ke hulu, berenang-berenang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian. Pepatah ini sesuai diaplikasikan kepada murid-murid sekolah kerana kesusahan dalam mengkaji teks yang berkualiti dapat mendidik mereka untuk menjadi golongan pemikir, yang akhirnya membentuk menjadi individu yang berintelektual, seperti dalam teori psikologikal Freud, yang menjelaskan bahawa manusia sememangnya sudah disediakan secara naluriah dengan pelbagai kemampuan dan ia adalah hasil cernaan akal dan perasaan yang mendalam bagi menggambarkan keintelektualan dan kebijaksanaan seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini bermaksud, pihak pendidikan seharusnya lebih banyak mendedahkan kepada masyarakat, terutamanya murid-murid, dengan bahan bacaan yang mencabar minda serta menuntut pemikiran kritis berbanding bahan bacaan yang ringan, mudah dan kosong pemikirannya demi untuk melahirkan masyarakat minda kelas pertama.

Oleh hal yang demikian, jelaslah di sini bahawa dari segi matlamat Komsas itu sendiri, bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan tentang sastera dan juga menarik minat dalam kalangan murid. Justeru walaupun dalam dapatan kajian ini jelas menampakkan bahawa murid menjadi lebih berminat untuk membaca teks Komsas 2010, namun minat mereka ini masih terbatas.

Hal ini menunjukkan bahawa pembacaan dilakukan kerana bahan itu diwajibkan dan perlu untuk lulus peperiksaan. Apabila mereka tamat persekolahan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

karya-karya seperti ini tidak lagi menjadi pilihan sebagai bahan bacaan mereka. Sikap seperti ini tidak seharusnya ada dalam diri murid-murid sekolah. Penerapan Komsas bukan sahaja setakat untuk memenuhi keperluan Sukatan Mata Pelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga merupakan satu alat untuk membentuk sahsiah yang mulia, membekalkan maklumat berguna, mendidik minda serta menanam nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah.

Hal ini ditegaskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2001), dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menyatakan "*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlak serta berilmu pengetahuan*". Oleh sebab itu, jikalau penerapan Komsas tidak berjaya mencapat matlamat asalnya, maka secara tidak langsung apa yang hendak disampaikan oleh KPM juga turut dikatakan gagal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan analisis dan dapatan kajian yang telah dilaksanakan, jelaslah di sini menunjukkan bahawa kejelasan hala tuju Komsas seakan hilang akibat perubahan teks pada tahun 2010. Dengan penggunaan buku teks baru ini, ternyata masih juga tidak mampu menarik minat murid-murid untuk mengikuti atau menghampiri dunia sastera.

Pendapat sesetengah pihak bahawa pemilihan karya popular dan ringan dapat menarik minat murid-murid adalah kurang tepat. Kenyataannya murid-murid, terutamanya kaum Cina dan India masih tidak mengenali tokoh-tokoh sastera,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

termasuklah nama-nama penulis pop yang ada. Selain itu, para responden yang terdiri daripada guru yang mengajar Bahasa Melayu juga sependapat, bahawa karya pop bukanlah satu pilihan yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan bacaan utama murid-murid sekolah. Karya pop atau picisan ini hanya sesuai dijadikan sebagai perencah tambahan dalam menarik minat murid untuk mendekati sastera.

Selain itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) seharusnya lebih berhati-hati dalam memutuskan apakah yang ingin diaplikasikan oleh bidang pendidikan kepada murid-murid di sekolah. Hal ini perlu kerana sebarang tindakan yang dibuat akan menghasilkan individu dan masyarakat jenis apa pada masa hadapan. Jikalau sasaran pendidikan ialah untuk melahirkan golongan cendikiawan yang berilmu dan bersahsiah tinggi, santapan minda yang dihidangkan juga perlulah berkualiti. Jikalau sebaliknya, maka sebaliknyalah hasilnya.

Oleh itu diharap, Komsas yang diterapkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kembali jelas matlamatnya, serta mampu menghasilkan golongan intelek dan berkualiti iaitu, dapat memenuhi harapan negara dalam menempuh cabaran di masa akan datang. Hal ini kerana KPM merupakan sebuah badan yang bertujuan untuk membangunkan sebuah sistem pendidikan yang berkualiti serta bertaraf dunia bagi mengembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia, dan bukan sebaliknya. Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (2003), yang menyatakan "*Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang iaitu berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, berketrampilan dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap negara*".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bahagian ini pengkaji membincangkan rumusan kajian yang telah diperoleh hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan terhadap hala tuju Komsas yang melibatkan lima buah sekolah di daerah Seberang Perai Selatan. Selain itu pengkaji juga akan memberikan cadangan dan saranan untuk kepentingan di masa hadapan agar pihak yang bertanggungjawab dalam pemilihan buku-buku teks sekolah dapat memberikan lebih penelitian dalam memilih sesuatu bahan sebagai teks sekolah.

Hal ini untuk memastikan apa yang hendak diterapkan kepada murid-murid sekolah bukanlah hanya sekadar melepaskan batuk di tangga. Perubahan yang ingin dibuat perlulah diberi pertimbangan yang sewajarnya agar tidak ada peranan mana-mana pihak yang tercicir semasa keputusan dilakukan. Selain itu, perkara utama yang juga perlu diambil kira ialah keputusan yang diambil seharusnya dapat memastikan bahawa bidang sastera ini tidak terus-terusan tenggelam dek arus peredaran zaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Kejayaan pelaksanaan Komsas dalam Bahasa Melayu ini dapatlah dikaitkan dengan kesannya terhadap pencapaian Bahasa Melayu dalam peperiksaan penggal pelajar. Pelaksanaan Komsas merupakan salah satu faktor kepada turun naiknya sesuatu pencapaian, terutama pencapaian murid dalam Bahasa Melayu.

Maklum balas yang diberikan oleh para guru Bahasa Melayu berkaitan penukaran buku teks pada tahun 2010 terbahagi kepada dua kategori. Ada yang menyokong pelaksanaan tersebut dan ada pula yang tidak. Namun hasil dapatan masih lagi berat kepada pendapat bahawa karya agung adalah lebih berkualiti dan menepati matlamat asal penerapan Komsas dalam Bahasa Melayu berbanding buku teks Komsas 2010.

Malahan rata-rata responden yang terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu merasakan karya yang berkualiti adalah lebih sesuai untuk dijadikan bahan bacaan dalam melahirkan individu dan sekali gus masyarakat yang berilmu tinggi. Apa yang pasti dengan meminggirkan karya-karya agung akan lebih banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan sama ada terhadap murid dan juga negara itu sendiri.

Kenyataan ini dapat dikuatkan lagi dengan sokongan daripada soal selidik dan analisis serta keputusan pencapaian yang baik iaitu bilangan responden yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu, tidak bersetuju dengan anggapan sesetengah pihak bahawa dengan memasukkan karya pop sebagai bahan bacaan utama murid di sekolah adalah lebih baik berbanding karya agung. Mereka yang dikatakan sudah lama bergelumang dengan bidang ini merasakan walaupun karya popular ini dapat menarik minat murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk mempelajari Komsas, namun masih banyak implikasi negatif yang muncul dengan penggunaan karya pop ini sebagai teks.

Misalnya murid-murid yang sedia tidak mengenali tokoh Sasterawan menjadi semakin tidak dapat mengenali tokoh-tokoh Sasterawan ini. Selalunya melalui pembacaan sesebuah karyalah maka, kita dapat mengenali dan menyelami fikiran penulis. Andaikata daripada awal murid disogokkan dengan bahan bacaan seperti karya-karya pop yang ringan dan kosong pemikirannya, maka mana mungkin mereka ingin memilih karya-karya agung yang sarat dengan pemikiran sebagai bahan bacaan tambahan.

Karya agung yang sememangnya diakui berkualiti sudah tentulah lebih mencabar minda dan memerlukan analisis serta melibatkan pemikiran yang kreatif dan kritis. Hal ini kerana seseorang intelektual itu adalah seorang pemikir yang sentiasa berfikir dan mengembangkan (serta) menyumbangkan ideanya. Jadi seandainya murid diberi pilihan, maka mereka lebih sukakan sesuatu yang mudah dan menghiburkan tanpa memikirkan kesan buruknya kepada mereka pada masa akan datang.

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007: 350), pendidikan berasal dari kata dasar 'didik' yang dapat ditakrifkan sebagai perihal mendidik, pengetahuan mendidik, didikan, latihan dan juga ajaran. Pendidikan merupakan satu aktiviti perkembangan dan penyuburan pemikiran serta kuasa-kuasa semula jadi melalui pembelajaran yang sudah dirancang sama ada secara formal atau tidak. Proses dan aktiviti pendidikan ini adalah sepanjang hayat dan manusia sentiasa memerlukan perluasan, pendalaman dan pengesahan kepada ilmu yang ada. Pengalaman yang sedia ada bukan sahaja boleh memperkaya dan mengukuhkan ilmu tetapi juga mencabar dan mengubah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu yang sedia ada pada manusia. Penyataan di atas menjelaskan bahawa sebagai pendidik yang berilmu pengetahuan, kita perlulah berfikir bagi pihak murid dalam menentukan mana satu perkara yang baik atau buruk pada masa depan mereka. Seandainya kita ingin murid-murid kita menjadi individu yang intelek, sudah tentu pendedahan terhadap bahan bacaan yang berkualiti diberikan kepada mereka. Jikalau sebaliknya, maka sebaliknyalah individu yang dilahirkan.

Namun hal yang berbeza timbul dalam hasil dapatan minat murid. Murid-murid mendapati teks 2010 yang memuatkan banyak karya pop atau picisan merupakan sesuatu yang menyeronokkan serta menarik minat mereka untuk mempelajari Komsas. Malahan mereka merasakan pembelajaran menjadi semakin mudah dengan penukaran teks ini. Selain itu dikatakan penukaran teks Komsas ini menyebabkan prestasi murid meningkat dalam subjek Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika dilihat dari kaca mata kasar, ini merupakan suatu kejayaan besar kerana mereka didapati mula berminat untuk membaca buku Komsas. Namun dari satu segi pula, para cerdik pandai dapat melihat akan penguburan dunia sastera secara tidak langsung. Hal ini memperlihatkan bahawa responden yang terdiri daripada murid menunjukkan sikap tidak prihatin atau buta sastera.

Bagi mereka asalkan bahan bacaan itu mudah, itu sudah mencukupi. Tidak perlulah mereka bersusah-susah mengasak otak berfikir akan masalah atau persoalan yang ingin disampaikan oleh penulis dalam karyanya seandainya karya yang dihidangkan kepada mereka ringan dan kurang kualiti serta kurang mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jikalau selama-lamanya mereka menjadi selesa dengan situasi ringan sebegini, maka dunia sastera menjadi semakin malap. Karya-karya agung yang dikatakan berat serta sarat dengan pemikiran akan terus-terusan dipinggirkan oleh masyarakat. Jadi persoalannya di ruang mana lagi para Sasterawan ini ingin memainkan peranannya. Oleh sebab itu, maka pentingnya sokongan dan kerjasama daripada pihak kerajaan dan bidang pendidikan itu sendiri bersama berusaha memartabatkan sastera dalam negara seperti yang dilakukan oleh negara Barat.

Terdapat pelbagai maklum balas yang didapati daripada guru kesan pelaksanaan Komsas dalam Bahasa Melayu. Selain itu di dalam media massa, terdapat pelbagai maklum balas yang diterima daripada orang ramai, golongan guru, para sasterawan dan persatuan penulis tanah air yang menjelaskan pendirian masing-masing tentang kemasukan Komsas dalam Bahasa Melayu. Aspek yang begitu hangat dibincangkan mereka ialah berkaitan kualiti pemilihan karya sastera yang ingin dimasukkan dalam teks wajib Komsas. Oleh sebab itu, pemilihan karya untuk dimasukkan dalam teks Komsas perlulah diberikan perhatian yang lebih teliti lagi di masa hadapan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Cadangan dan Saranan

Kajian ini berdasarkan analisis dan soal selidik mengenai kejelasan hala tuju, kualiti dan minat, pandangan dan maklum balas daripada guru-guru Bahasa Melayu dan pelajar terhadap penukaran buku Komsas pada tahun 2010. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa masalah tetap wujud dengan penukaran buku teks pada tahun 2010 yang memuatkan karya-karya pop atau picisan berbanding karya-karya agung. Walaupun dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini pengkaji mendapati minat murid terhadap Komsas berubah dengan penukaran teks Komsas 2010.

Bagi memastikan hala tuju Komsas dan kualiti pembacaan murid terjamin daripada semasa ke semasa dalam memenuhi matlamat dan objektif Komsas beberapa cadangan perlu difikirkan, dijadikan ingatan, panduan ataupun perbincangan seterusnya dengan semua pihak yang terlibat perlulah dilakukan.

Oleh sebab itu, pengkaji telah mengemukakan cadangan dan saranan untuk kepentingan dan tindakan selanjutnya yang perlu diambil oleh sesetengah pihak. Namun apabila ditinjau dari pihak guru, mereka merupakan orang yang utama memainkan peranan penting untuk menentukan jenis bahan yang dipilih itu bersesuaian atau tidak dengan tahap serta kepentingannya kepada murid atau tidak di sekolah. Antara cadangan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) perlu lebih peka dan teliti serta telus dari semasa ke semasa dalam mengadakan pemilihan karya-karya sebelum dimuatkan dalam teks sekolah. Perbincangan dan tinjauan perlu dilakukan dengan melibatkan tokoh-tokoh Sasterawan di samping guru-guru pakar Bahasa dan Kesusasteraan yang ada. Hal ini kerana mereka lebih mengetahui kualiti mana yang bagus untuk dijadikan sebagai bahan pembacaan murid sekolah. Selain itu, para cendikiawan serta guru-guru pakar ini lebih berpengalaman dalam bidang bahasa. Hal ini dapat dilihat oleh pengkaji bahawa maklum balas daripada guru yang turut sama mementingkan kualiti sesebuah buku yang mahu dijadikan sebagai bahan bacaan mereka atau murid. Selain itu pihak PPK perlulah menetapkan hanya karya yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkualiti dan mendapat pengiktirafan sahaja yang boleh dijadikan sebagai teks sekolah. Hal ini untuk memastikan hanya bahan bacaan berkualiti sahaja yang dijadikan asas dalam membentuk murid agar lahir sebagai golongan intelek serta berilmu tinggi.

2. Para penulis perlu berbincang atau berkumpul bersama-sama untuk berbincang dan menetapkan karya manakah yang layak untuk dijadikan teks bacaan sekolah. Ringankan dengan memilih karya yang mudah tapi masih tinggi mutunya dan diiktiraf.

3. Selain itu tinjauan perlu dilakukan kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk melihat pandangan mereka terhadap pemilihan buku teks ini. Hal ini kerana terdapat ramai guru yang berpengalaman dan berpengetahuan berkaitan bidang bahasa dan sastera. Oleh sebab itu penilaian mereka adalah lebih tepat dan harus diambil kira kerana mereka merupakan orang pertama yang mengetahui apakah yang terbaik buat anak didik mereka. Hal ini ditegaskan oleh Hassan Ali (1996:71) yang menyatakan guru atau pendidik bertanggungjawab mendidik dan membentuk insan mencintai ilmu pengetahuan dan berhemah tinggi. Pada merekalah terletaknya harapan ummah untuk mewariskan suatu generasi yang akan terus membangunkan tamadun insan. Oleh sebab itu, untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan berhemah, maka pendedahan awal yang diberikan kepada mereka haruslah sesuatu yang jelas, berupaya membina pemikiran kreatif dan kritis serta tinggi nilai kualitinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Selain itu tinjauan perlu dilakukan terhadap sekumpulan murid untuk melihat adakah penukaran buku teks daripada karya agung kepada karya picisan ini benar-benar membantu murid untuk lahir sebagai pelajar yang cerdik pandai atau hanya menghasilkan mereka yang berfikiran cetek dan mudah.

5. Karya-karya pop masih boleh diletakkan dalam sekolah, namun hanyalah sebagai bahan bacaan tambahan sahaja. Para guru bahasa boleh meletakkan karya-karya pop di dalam bilik bahasa atau perpustakaan sebagai bahan bacaan hiburan atau di waktu senggang dan bukannya sebagai teks sekolah. Hal ini disebabkan, karya pop yang ada perlulah melepasi syarat kualiti jawatankuasa pemilihan buku. Hal ini dilakukan untuk memastikan perkembangan minda dan intelek murid berkembang dan bukan menghadkannya, dengan sesuatu yang kurang kualiti, kabur matlamatnya dan tidak mencabar minda atau pemikiran mereka. Sesuatu yang tidak dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid berkaitan ilmu serta sastera, merupakan perkara yang hanya membazirkan usaha.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Kesimpulan

Dapatan yang diperoleh daripada kajian yang dijalankan ini diharap dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dalam usaha untuk memartabatkan pelaksanaan Komsas dalam Bahasa Melayu. Walaupun terdapat pelbagai reaksi, namun hal ini diharap tidak akan menghalang kelincinan perjalanan penerapan Komsas dalam usaha melahirkan murid atau individu yang menepati Falsafah Pendidikan Negara.

Hasil dapatan kajian ini juga amat berguna kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha mencapai matlamat penubuhan Komsas. Permasalahan yang dihadapi perlulah ditangani dengan langkah yang bijak dan positif. Kesemua ini boleh diatasi dengan menelusuri cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Semoga pelaksanaan Komsas ini dapat memberikan sumbangan yang besar terhadap pembentukan sahsiah murid di samping melahirkan golongan cerdik pandai yang berupaya mewarnai dunia sastera tanah air dengan lebih gemilang lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahman Ab. Rashid et.al. (2000). *Kajian Intensif Komponen Wajib Kesusasteraan Melayu dalam Bahasa Melayu.* Petaling Jaya: Longman.

Ahmad Fadzil Yassin. (2009). *Catatan Peristiwa Sastera.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Hishamudin B. Yeop Md Rose. (1999), *Unsur Nilai Murni Dalam Novel Remaja*: Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ainol Muhammad & Abdullah Hassan. (1993). *Teknik Berfikir: Konsep dan Proses* Terbitan Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Ali Ahmad. (1978). *Novel Remaja. Asas Menganalisis Cereka.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Alshaa Rani Ab. Wahab & Mohd Amar Hj Ibrahim. (2009). *Zoom In Tingkatan 4*: Terbitan Pelangi, Sdn.Bhd.

Arminstead. (1972). *English in The Middle Years.* Oxford: Basil, Blackwell & Motta.

Awang Sariyan. (1986). *Kesinambungan Bahasa Dalam Sastera Melayu* : Terbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azman Wan Chik.(1980). *Kesusasteraan Melayu dalam Kurikulum. Satu Tinjauan Latar. Kertas Kerja Yang Dibentangkan Dalam Kursus dan Bengkel Pengajaran Sastera, Anjuran Jabatan Pendidikan Bahasa*: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Cece Wijaya & A. Tabrani (1992). *Kemampuan Dasar Guru Dalam Proses Belajar Mengajar.* Jakarta: Balai Pustaka.

Elliot R. (1990). *Encouraging Readers Respond to Literature in English As A Second Language Curriculum.* English Language Teaching 44(3): 191-198.

Joanne Collie & Stephen Slater. (1987). *Literature In The Language Classroom.* New York: Cambridge University Press.

Hafizah Salleh. (2007). *Buku Komsas Latihan 2U Tingkatan 4 Bahasa Melayu*: Penerbitan Pelangi. Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hashim Awang. (1988). *Kesusasteraan Dalam Pendidikan Dewan Sastera*: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hishamuddin Md Som. (2005*). Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai: Johor.

Kamaruzaman Abdullah. (2002). *Komponen Sastera Dalam Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Menengah Di Malaysia, Kertas Kerja Seminar Bahasa dan Sastera Di Malaysia*. Bogor, Indonesia: 20 – 22 Ogos.

Kamus Dwibahasa. (1985-835).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1989). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV KBSM.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Antologi Anak Laut Tingkatan 4*. Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan IV*. Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum.

Koh Boh Boon. (1994). *Pengajaran Sastera dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpu: Fajar Bakti Sdn .Bhd.

Mana Sikana. (1993). *Esei dan Kritikan Drama*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Mana Sikana. (1998). *Kritikan Sastera Moden, Teori dan Pendekatan.* Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.

Misran Rokimin. (2000). *Generasi Alaf Baru : Pendidikan Sastera Disajikan Dewan Sastera* .30(02): 8-12.Jurnal.

Mohamad Hanafi B Hairan. (2004). *Masalah Pendidikan Komsas Satu Kes Kajian di Derah Hulu Selangor*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Fauzi Abdullah, Shamsuddin Othman & Maniyamin Ibrahim. (2001, 11-13 Jun). *Teknik Pengajaran Puisi Tradisional dan Moden, Kertas Kerja dalam Seminar Pengajaran Sastera di Hotel Quality*: Kuala Lumpur.

Mohd Majid Konting. (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2010). *Falsafah Pendidikan Bahasa*: Terbitan Emeritus Publications.and Distributors. Snd. Bhd.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). *Citra Komsas*: Terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nik Hassan Basri Nik. Ab Kadir, Seri Lanang Jaya Hj Rohani, Ahmad Khair Mohd Nor & Abdullah Yusof. (2007). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu, Kemahiran Bernilai Tambah, Jilid 3 Perak.* Jabatan Bahasa Melayu: Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Nur Rashidah Hakim & Azizul Rahman. (2009). *Zoom In Tingkatan 1*: Terbitan Pelangi. Sdn. Bhd.

Nurul Suhaida Bt Ahmad. (2002). *Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Melalui Teks Antologi Anak Laut Tingkatan Empat Satu Kajian*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Puteh. (1989:35). *Sastera Remaja Ditinjau Daripada Beberapa Perspektif.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman Puteh. (1996). *Pengajaran Sastera.Dewan Bahasa dan Pustaka*: Selangor.

Othman Puteh. (Penyelenggaraan 1991). *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Safiah Hussain. Et.al. (1981). *Tanggapan. Perbincangan Karya-karya Shahnon Ahmad.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saleh Ahmad. (2003). *Log In Gerak Kerja, Nota Komsas Tingkatan 1*: Terbitan Sasbadi Sdn. Bhd.

Sharifah Alwiyah Alsagoff. (1983). *Ilmu Pendidikan: Pedadogi*. Kuala Lumpur : Heinemana Asia.

Slametmuljana. (1966). *Peristiwa Bahasa dan Sastera.* Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.

Talib Samat. (2004). *Kesusasteraan, Kebudayaan, Pemikiran dan Pendidikan*: Terbitan Karisma Publication Sdn. Bhd.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Zuriah Bt Lazim. (2002). *Reaksi Guru dan Pelajar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Tesis Jabatan Kesusasteraan Melayu: Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MEDIA CETAK

Berita Harian. (1999, 2 Oktober).

Berita Harian. (2008, 31 Januari). *Kemelut Komsas, Sastera Elektif SPM.*

Berita Harian. (1999). *Penggunaan Teks Sastera Dalam Bahasa Melayu, Kurang Berkesan.*

Berita Harian. (2008, 8 Januari). *Memperkasakan Bahasa, Kesusasteraan Melayu.*

Berita Harian. (2000, 12 Februari).

Berita Harian. (2001, 14 Jun).

Jaafar Rahim. (1992). *Penulis Digesa keluar Daripada Penjara Psikologi.*

Mahaya Mohd Yassin. (1980). Kesusasteraan Melayu Malaysia. Dewan Sastera. hal 3.

Mingguan Malaysia. 14 April 1993.

Jaafar Rahim. (1993, 14 April). *Apabila Akal Dipenjarakan*. Utusan Malaysia.

Jaafar Rahim. (1994, 22 April). *Dunia Pemikiran*. Utusan Malaysia.

Othman Puteh. (2001). *Genre Novel dalam Komsas Dewan Siswa* (Mei). hal 20-21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMAN WEB

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0224&pub=utusan

http://annyss.blogspot.com/2008/01/teks-komsas-2010-tiada-karya-sn.html

http://ww1.klpos.com/klpos/index.php?option=com_content&task=view&id=2199&Itemid=49

http://www.suaramerdeka.com/harian/0310/06/kha1.htm

http://ariffmohamad.blogspot.com/2007_12_01_archive.html

http://www.malaysiakini.com/columns/77340

http://typeace.blogspot.com/2008/02/komsas-perlu-peka-protes-samad-said.html

http://haikalisme.blogspot.com/2008_03_01_archive.html

http://no2umno.wordpress.com/2008/01/23

http://www.ibnuhasyim.blogspot.com

http://universitipts.com/index.php/site/comments/rajuk_sn_dato_a_damad_said_terhadap_dbp_the_sun/

http://www.esastera.com/best/Mac05/tamu/index.htm

http://www.ipbl.edu.my/inter/penyelidikan/seminarpapers/2005/leeMPRM.pdf

http://www.aminiskandar.com/?p=314

http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php?Content=article&ArticaleID=1435&IID=

http://www.esasterawan.net/esasterawan/1_weblogg.asp?uid=80&bid=7665

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SOAL SELIDIK

Borang soal selidik ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pelajar yang mengambil komponen komsas dalam bahasa Melayu. Semua kenyataan yang diberi adalah **sulit** dan hanya untuk kegunaan penyelidikan.

Bahagian A (Diisi oleh guru dan pelajar)

Arahan : Sila maklum balas pada semua item di bawah dengan menandakan (/) pada maklumat yang berkaitan dengan diri anda.

Latar Belakang Responden .

1. Jantina
   Lelaki
   Perempuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Etnik
   Melayu
   Cina
   India
   Lain-lain

(Diisi oleh guru sahaja)

3. Pengalaman Mengajar BM : _____
4. Umur : _____

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian B

Sila tunjukkan setakat mana anda bersetuju dengan setiap penyataan mengikut skala seperti di bawah.

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Setuju
4. Sangat setuju

B(i) **Kejelasan Hala Tuju**

1.	Karya agung memenuhi kualiti sastera.	1	2	3	4
2.	Karya pop memenuhi kualiti sastera.	1	2	3	4
3.	Pelajar mengetahui wujudnya penganugerahan dalam sastera seperti Hadiah Nobel, Pulitzer dan Booker, S.E.A Write Award melalui pembacaan karya pop.	1	2	3	4
4.	Pelajar mengenali Muhammad Hj Salleh, Nordin Hassan dan Arena Wati	1	2	3	4
5.	Pelajar mengenali Ahadiat Akashah, Sharifah Abu Salem dan Mohamad Yazid Abdul Majid.	1	2	3	4
6.	Jikalau karya agung terlalu berat, maka sepatutnya kita mengugurkan juga elemen algebra, statistik yang sukar dalam matematik.	1	2	3	4
7.	Tidak ada lagi karya agung yang mampan layak dijadikan teks selain karya pop.	1	2	3	4
8.	Karya agung sarat dengan falsafah hanya sesuai dijadikan teks akademik peringkat pengajian tinggi sahaja.	1	2	3	4
9.	Para pelajar kini hanya sesuai dengan bahan bacaan mudah dan ringan serta berorientasikan hiburan semata-mata.	1	2	3	4
10.	Adakah salah mewujudkan daya berfikir yang mendalam tentang sesuatu isu/ lebih kreatif dalam penyelesaian masalah iaitu menggunakan pemikiran lateral/berfikiran jauh.	1	2	3	4
11.	Fungsi Sasterawan Negara akan hilang sekiranya karya mereka tercicir dalam sistem pendidikan nasional.	1	2	3	4
12.	Sastera bertujuan untuk pelajar belajar mengenai element kesusasteraan bahasa, di samping belajar cara mengolah, menginterpretasi karya sastera .	1	2	3	4
13.	Pembacaan anak-anak muda akan tercemar dengan karya	1	2	3	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	yang tidak memupuk budaya berfikir.				
14.	Karya sastera merupakan satu cabang mendidik anak muda supaya cenderung menelaah karya nberat dan sarat dengan kritikan sosial supaya mereka terdidik sebagai generasi berilmu, kritis dan kreatif.	1	2	3	4
15.	Melalui karya pelajar dapat mengenali tokoh , peristiwa atau sejarah sesebuah negara.	1	2	3	4
16.	Adakah benar bahawa karya A. Samad Said banyak menceritakan tentang kehidupan di peperangan dan Usman Awang banyak menghasilkan karya yang bersangkut-paut dengan peristiwa besar yang melanda negara.	1	2	3	4
17.	Setujukah anda bahawa sastera di Malaysia bertujuan menjana minda, rohani, emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan ke arah pembinaan insan bestari	1	2	3	4
18.	Karya-karya remaja terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sukar difahami berbanding karya-karya popular (pop).	1	2	3	4

B (ii) **Kualiti Buku**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.	Karya agung banyak mengajar akal dan mendidik jiwa .	1	2	3	4
2.	Karya sasterawan negara tidak sesuai untuk dipelajari.	1	2	3	4
3.	Karya pop sangat sesuai untuk dipelajari	1	2	3	4
4.	Karya-karya agung penuh dengan kritikan sosial yang memungkinkan pelajar-pelajar sekolah menjadi celik akal	1	2	3	4
5.	Para pelajar mengenali nama-nama tokoh sastera seperti Arena Wati, Shahnon Ahmad, Muhammad Hj Salleh dan Nordin Hassan melalui buku teks sekolah.	1	2	3	4
6.	Karya-karya Ahadiat Akashah, Sharifah Abu Salem amat baik untuk dijadikan teks sekolah	1	2	3	4
7.	Karya pop lebih ringan dan menarik perhatian	1	2	3	4
8.	Karya agung, berat dan sarat dengan pemikiran serta tidak menarik perhatian.	1	2	3	4
9.	Karya agung memungkinkan lahirnya golongan pemikir.	1	2	3	4
10.	Karya pop memungkinkan lahirnya golongan pemikir.	1	2	3	4
11.	Karya agung banyak menggunakan bahasa yang puitis ,gramatis dan bersifat estetik.	1	2	3	4
12.	Karya pop banyak menggunakan bahasa yang puitis ,gramatis dan bersifat estetik.	1	2	3	4
13.	Karya agung dapat memertabatkan budaya warisan.	1	2	3	4
14.	Karya pop dapat memertabatkan budaya warisan.	1	2	3	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

15.	Karya pop banyak mengajar akal dan mendidik jiwa.	1	2	3	4
16.	Karya yang diiktiraf lebih sesuai dijadikan bahan bacaan pelajar.	1	2	3	4
17.	Karya pop lebih sesuai dijadikan bahan bacaan pelajar.	1	2	3	4
18.	Karya agung mempunyai nilai-nilai pendidikan yang ketara.	1	2	3	4
19.	Karya pop mempunyai nilai-nilai pendidikan yang ketara.	1	2	3	4

B(iii) **Minat**

1.	Pelajar berminat dengan mata pelajaran komsas kini.	1	2	3	4
2.	Pelajar berminat membaca buku teks komsas kini berbanding dahulu.	1	2	3	4
3.	Pelajar mempelajari komsas semata-mata untuk lulus peperiksaan.	1	2	3	4
4.	Teks baru memungkinkan pelajar mengetahui perkembangan dunia sastera di tanah air.	1	2	3	4
5.	Teks Komsas kini dapat meningkatkan prestasi Bahasa Melayu mereka.	1	2	3	4
6.	Komponen sastera di dalam Bahasa Melayu kini berjaya membawa pelajar untuk lebih menghayati Kesusasteraan Melayu.	1	2	3	4
7.	Buku teks 2010 lebih menarik minat pelajar untuk belajar.	1	2	3	4
8.	Pelajar kini kelihatan lebih bersemangat untuk belajar.	1	2	3	4
9.	Melalui pembacaan teks 2010 ,pelajar menjadi lebih berminat untuk membaca bahan sastera yang lain .	1	2	3	4
10.	Pelajar berasa lebih yakin untuk menyatakan pendapatnya setelah membaca teks Komsas 2010.	1	2	3	4
11.	Pelajar merasakan subjek Komsas ini mulai senang dan mudah difahami.	1	2	3	4
12.	Pelajar kerap kali melibatkan diri semasa perbincangan Komsas dilakukan kerana teksnya mudah difahami.	1	2	3	4
13.	Membaca teks Komsas kini adalah lebih menyeronokkan berbanding dahulu.	1	2	3	4
14.	Teks 2010 menjadikan, pelajar dapat menghuraikan aspek komsas dengan mudah.	1	2	3	4
15.	Pelajar menjadi lebih berminat untuk mengkaji aspek dalam teks sastera berbanding dahulu.	1	2	3	4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi